



# SELANGOR

**PERCUMA** 16 - 23 Oktober 2015, 3 - 10 Muharam 1437 [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)



BN tambah derita rakyat

# TOL NAIK 80%

**LEBIH** 10 syarikat konsesi lebuh raya utama sekitar Lembah Klang mengumumkan kenaikan kadar tol antara 10 sen dan RM6 berkuatkuasa, 15 Oktober ini.

Ia membabitkan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK), Lebuhraya Maju Expressway (MEX), Lebuhraya Kajang-Silk, Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE), Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong (SMART).

Selain itu, Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR), Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA), Lebuhraya Baru Pantai (NPE), Lebuhraya Kajang Seremban (LEKAS), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya

Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT) dan Lebuhraya Cheras-Kajang (GRAND SAGA).

Pengumuman itu jelas membuktikan apa yang terkandung dalam Manifesto Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum Ke-13 lalu bahawa akan berlaku pengurangan secara berperingkat bagi kadar tol dalam tempoh lima tahun hanya janji kosong untuk mengaburi rakyat terutama dalam keadaan ekonomi dan nilai ringgit yang semakin merudum.

**BERITA LANJUT MUKA SURAT 2**



Gambar ihsan The Malaysian Insider

## Mahathir-Ku Li-Muhyiddin bersatu kritik Najib

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Beberapa pemimpin Barisan Nasional (BN) menyertai Tun Dr Mahathir Mohamad dengan bersuara menentang penahanan dua individu yang dikenakan dengan mantan perdana menteri itu dalam kempen isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Lebih mengejutkan, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal tu-

rut hadir dalam sidang media terbabit.

Turut hadir Ketua Umno Bahagian Gua Musang, Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah; bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Sanusi Junid dan bekas Presiden MCA, Datuk Seri Ong Tee Keat, pada 12 Oktober lalu.

Sidang akhbar yang diadakan di Yayasan Kepimpinan Perdana itu berhubung kecaman kerajaan yang menyalahguna kuasa bagi menahan bekas pemimpin cawangan Umno, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan bekas setia-

usaha, peguam Matthias Chang.

Mereka didakwa di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur atas kesalahan cubaan mensabotaj ekonomi, kewangan dan sistem perbankan Malaysia, pada 12 Oktober lalu.

Khairuddin ditahan selepas membuat laporan kepada pihak penguatkuasaan di luar negara termasuk Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat (AS) berhubung isu 1MDB.

Mereka dituduh di mahkamah atas cubaan mensabotaj perkhidmatan ke-

wangan dan perbankan negara ini serta didakwa di bawah Seksyen 124L Kanun Keseksian yang dibaca bersama Seksyen 34 akta sama.

Pendakwaan itu susulan laporan polis mereka di Perancis, England, Switzerland, Hong Kong dan Singapura.

Khairuddin dan Chang kini ditahan bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) atau SOSMA dengan perbicaraan bawah akta itu harus dibuat di Mahkamah Tinggi, bahkan mereka berdepan penjara 15 tahun jika sabit kesalahan.



Kenaikan tol hanya menyusahkan. Keuntungan hanya bagi pemimpin dan konsepsi. Kita terpaksa menanggung mereka yang senang-senang menggunaan duit rakyat untuk kepentingan sendiri.

Nor Azura Atan  
31, Eksekutif

Hampir semua harga barang daripada sekecil-kecilnya naik. Apabila tol naik, kesan limpahannya membabitkan kenaikan kos pengangkutan, bahkan harga barang juga akan naik lagi. Sampai bila perkara ini akan berterusan

Mohd Jamel Hassan,  
31, Penjawat awam

**“** Janji Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kepada rakyat pada manifesto Pilihan Raya Umum ke-13 bahawa akan berlaku pengurangan secara berperingkat bagi kadar tol dalam tempoh lima tahun hanya janji kosong. Kononnya untuk kesenangan rakyat. Tetapi janji tinggal janji, kadar tol tetap naik. Kerajaan tidak mempedulikan rintihan dan bebanan yang terpaksa ditanggung rakyat

Shum Jian Wei  
24, Penjawat awam



## Kadar tol naik 15 Oktober

# Persekutuan terus tekan rakyat

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor, Jestic Raj Savarimuthu, berkata keputusan menaikkan kadar tol mengkhianati Manifesto Barisan Nasional (BN) yang diumumkan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada Pilihan Raya Umum Ke-13 lalu.

Katanya, manifesto untuk tidak menaikkan tol itu hanya tinggal janji apabila kadar yang bakal dinaikkan tertinggi sehingga mencecah 80 peratus, bermula 15 Oktober ini.

“Kenaikan ini memberi impak amat besar kepada rakyat, khususnya warga Selangor kerana kebanyakan plaza tol yang menaikkan kadar adalah di dalam Selangor dan Lembah Klang.

“Semua perkara asas dari pada GST, harga barang, tol dan kemerosotan nilai mata wang



Jestic

membuat rakyat dalam keadaan parah. Kita boleh jangka dalam pembentangan Bajet 2016 hanya akan memberi bantuan semestara bagi rakyat,” katanya dalam kenyataan, pada 13 Oktober lalu.

Kenaikan tol kali ini mendapat tentang hebat pelbagai pihak dengan kadar 67 peratus (Akleh), 54 peratus (Besraya), 50 peratus (LKSA)

dan Smart, manakala 10 lebuhraya lain menyaksikan kenaikan antara 17 hingga 44 peratus.

Sementara itu, Ketua Srikandi PKR, Senator Siti Aishah Shaik Ismail, berkata Kerajaan Persekutuan tidak menghiraukan soal kemanusiaan tetapi hanya memikirkan bagaimana poket rakyat diperah.

“Ini sikap sebenar BN, saat rakyat terhimpit dengan kos kehidupan yang semakin tenat mereka bukan mempermudahkan namun bertindak sebaliknya.

“Keluhan berkenaan soal ekonomi tidak menentu ditambah dengan sikap kerajaan yang sentiasa boros dalam urus tadbir seakan-akan tidak dipedulikan. Kepada pemimpin BN yang masih ada nilai kemanusiaan berhenti berpura-pura dan bersuaralah untuk rakyat supaya dapat mengatasi beban yang terpaksa dipikul mereka,” katanya.

## Semak segera perjanjian konsesi

**SHAH ALAM** - Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mengesyorkan Kerajaan Persekutuan menyemak semula perjanjian konsesi lebuhraya bagi mengelak kenaikan kadar tol berterusan.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata semasa perlu dibuat terhadap konsesi yang sudah memperoleh keuntungan hasil pembinaan lebuhraya bagi mengelakkan rakyat terus rugi membayar kadar kenaikan.

“Kita berharap perjanjian konsesi disemak semula untuk melihat sama ada wajar atau tidak ia dinaikkan terutama bagi lebuhraya yang

sudah mendapat semula pulangan pelaburan. Ada lebuhraya yang sudah selesai, justeru semakan perlu dibuat dan kenaikan tol tidak harus berlaku,” katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 12 Oktober lalu.

Mohd Yusof berkata, kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada syarikat konsesi jika kadar tol tidak dinaikkan seperti termaktub dalam perjanjian.

Katanya, terdapat beberapa lebuhraya yang tidak diselenggara secara besar-besaran seperti dilakukan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan lebih menjurus kepada pulangan untuk pemegang saham ber-

dasarkan pemerhatian umum.

Sementara itu, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Mohamad Raimi Ab Rahim, berkata kerajaan tidak sensitif terhadap keluhan rakyat di sebalik situasi ekonomi yang semakin menekan.

Katanya, kerajaan seharusnya responsif kepada hasrat rakyat bahawa kenaikan kadar tol membebankan dan perlu dihentikan segera.

“ABIM mengambil berat perkembangan yang berlaku dan kesal kerana kerajaan tidak sensitif dengan keperluan rakyat. Semua pihak perlu memainkan peranan menuntut supaya kenaikan tol tidak diterus-

## KADAR TOL BAHRU

Lebuhraya	Baru	Lama	Kenaikan
AKHLEH	2.50	1.50	1.00
BESRAYA	2.00	1.30	0.70
DUKE	2.50	2.00	0.50
GUTHRIE	1.90	1.40	0.50
KAJANG SILK	1.80	1.00	0.80
KARAK			
Gombak	6.00	5.00	1.00
Bentong	3.50	3.00	0.50
LATAR			
Ijok, Kuang, Templer	2.50	2.00	0.50
LEKAS			
Semenyih	1.30	1.10	0.50
Pajam	3.40	2.80	0.60
Mantin	4.80	4.00	0.80
Setul	6.00	4.90	1.10
LKSA			
Seri Muda Alam Impian	1.70 0.90	1.20 0.60	0.50 0.30
MEX			
Salak Selatan Putrajaya	3.50 2.00	2.50 1.50	1.00 0.50
NPE			
Pantai Dalam PJS 5 SMART	2.30 2.30 3.00	1.60 1.60 2.00	0.70 0.70 1.00
LITRAK	2.10	1.60	0.50
SPRINT			
Damansara Pantai Bukit Kiara	2.00 2.50 3.00	1.00 1.50 2.00	1.00 1.00 1.00

## Kecam tindakan ‘tamak’ Persekutuan

**SHAH ALAM** - PAS mengecam tindakan Kerajaan Persekutuan berhubung kenaikan kadar tol yang disifatkan ‘tamak’ dan terus membebankan rakyat.

Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man mencadangkan syarikat konsesi memberi rebat kepada pelanggan yang terpaksa membuat pembayaran awal melalui sistem SmartTag dan TouchNGo.

“Kini, beban rakyat meningkat kerana terpaksa menanggung kos

kad TouchNGo dan SmartTag apabila kebanyakan lebuhraya menggunakan sistem kutipan tol elektronik.

“Apa pula faedah yang diberikan kembali kepada rakyat sebagai pelanggan lebuhraya dengan keenaikan ini? Tidak ada. Bayangkan ratusan ribu diperoleh melalui pembayaran awal ini, namun pelanggan tidak dapat sebarang manfaat daripada sistem itu,” katanya dalam keadaan, pada 13 Oktober lalu.

Beliau juga mempertikaikan tin-

dakan kerajaan yang tidak berani menyemak semula perjanjian konsesi dan cadangan kenaikan tarif tol tetapi keuntungan syarikat konsesi terus berlipat ganda.

“Sebenarnya syarikat konsesi kerajaan tiada sebarang alasan ekonomi yang kukuh untuk menaikkan kadar. Apakah ada syarikat konsesi sedang mengalami kerugian walaupun perniagaan ini mempunyai risiko menghampiri sifar? Tidak,” katanya.

**SHAH ALAM** - Seruan Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya ahli Umno lebih berani menyatakan pendirian berhubung isu yang melanda parti itu seharusnya mendapat dukungan.

Setiausaha PAS Selangor, Khairuddin Othman, berkata sudah tiba masanya ahli parti itu bangkit dan berganding dengan pembangkang untuk memperbaik keadaan kerana jika Malaysia hancur, maka orang Umno juga akan merasa peritnya.

"Kita lihat sokongan akar umbi terhadap kepimpinan Umno juga semakin menurun, kata perdana menteri tidak lagi didengari dan sering dipersenda. PAS Selangor bersetuju Malaysia membuat perubahan kepimpinan," katanya yang juga Adun Paya Jaras kepada-

## Selangor kecam keganasan di Ankara

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri meluahkan kekesalan berkenaan insiden serangan bom yang mengorbankan puluhan nyawa di Ankara, Turki, pada 10 Oktober lalu.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata mereka yang didapati bersalah harus dibawa kemuka pengadilan kerana membabitkan keselamatan rakyat.

Katanya, lebih kesal apabila serangan itu berlaku kurang dua bulan selepas insiden sama terhadap aktivis keamanan di Konya yang mengorbankan lebih 30 orang, pada Julai lalu.

"Walaupun tiada siapa yang

# Ahli Umno tak punya semangat juang tinggi

da Selangor Kini.

Adun Morib, Hasnul Baharudin bagaimanapun menjangkakan ahli Umno akan terus setia membuta tuli terhadap kepimpinan nakhodanya walau jelas catat dan tempang.

"Ahli Umno selalunya bersikap mengikut arus, tidak punya semangat juang tinggi selain mudah diugut," katanya.

Pada masa sama, Adun Kuala

Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, berata fokus utama perlu diberikan untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak sebagai perdana menteri.

"Yang penting kita selamatkan Malaysia bukan Umno," katanya.

Sementara itu, Penganalisis politik, Dr Maszlee Malik, berkata Najib tidak mampu digugat kerana Ketua Polis Negara (KPN) dan Peguam Negara jelas memihak kepadanya.

"Setakat ini, Najib berkuasa penuh kerana ramai yang berpihak kepadanya, bahkan menteri kabinet yang dirombak juga akan mempertahankan beliau walau pun dikecam.

"Keadaan itu akan berubah jika KPN neutral atau serius ingin menyiasat Najib. Pada masa sama, Peguam Negara juga menunjukkan kuasanya, maka ketika itu Najib akan kehilangan taring," katanya.

## Jelaskan jika ditolak

**SHAH ALAM** - Pemimpin pembangkang senada dengan pandangan Veteran Umno, Tengku Razaleigh Hamzah bahawa usul undi tidak percaya tak mampu dilakukan dalam sidang Parlimen akan datang.

Ahli Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen, berkata Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia mempunyai kuasa untuk menolak atau menerima sebarang usul kerana beliau bertanggungjawab mengatur perjalanan dewan.

"Jika usul itu ditolak, Speaker perlu memberi penjelasan. Kita (Ahli Parlimen) boleh meminta penjelasan dan mengkritik keputusan berkenaan melalui usul lain," katanya ketika mengulas kenyataan Ahli Parlimen Gua Musang itu.

Beliau berkata, pemimpin pembangkang sedia menyokong sebarang usaha mengadakan undi tidak percaya jika dibawa ke Parlimen, bahkan semua pihak menantikan 'cara lain' yang akan dikemukakan untuk memastikan Datuk Seri Najib Razak meletakkan jawatan Perdana Menteri.

mengaku bertanggungjawab, pelaku serangan kejam ini perlu dibawa ke muka pengadilan. Doa dan simpati diberikan terhadap keluarga yang kehilangan insan tersayang," katanya dalam satu kenyataan, pada 12 Oktober lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin menyeru semua pihak melakukan yang terbaik bagi mengurangkan ketegangan dan menyelesaikan isu berbangkit.

"Tidak harus dilupakan, Turki berjaya menunjukkan dirinya sebagai demokrasi Islam progresif dan menjadi contoh bagi negara Islam lain," katanya.

gan itu ada kaitan dengan ketegangan daripada segi politik dan keselamatan di selatan Turki, sempadan Iraq dan Syria yang didakwa membabitkan kumpulan Islamic State (IS)," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 13 Oktober lalu.

Raiim menyeru masyarakat seluruh dunia memberi solidariti kepada rakyat Turki dan mengecam tindakan ganas itu sekeras-kerasnya kerana insiden itu memberi kesan berpanjangan kepada situasi tidak stabil di negara itu dan dibimbangi akan menjelaskan keselamatan rakyat Malaysia di sana.

"ABIM prihatin berkenaan perkara itu. Kita berhasrat mengatur pertemuan dengan kedutaan Turki bagi mendapat gambaran lebih lanjut dan menyatakan takziah," katanya.

"ABIM menerima berita keganasan di Ankara sebagai sedih dan mendukacitakan serta merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa.

"Turki akan menghadapi pilihan raya pada 1 November ini. Seran-



**DATO' MENTERI BESAR, MOHAMED AZMIN ALI** menerima kunjungan hormat Ambassador Luc Vandebon selaku Ketua Delegasi Kesatuan Eropah (EU) di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) bertujuan untuk membincangkan aspek kerjasama ekonomi, perdagangan dan budaya

## Lumpuhkan operasi, sekat urusan 1MDB

**SHAH ALAM** - Bank Negara Malaysia (BNM) patut menggunakan semua kuasa yang ada mengikut perundangan bagi menyekat urusan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi kepentingan ekonomi dan negara.

Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli, berkata antara cara paling berkesan adalah melumpuhkan operasi kewangan dan urusniaga pemindahan dana 1MDB yang dikawal selia BNM.

**“Apabila 1MDB dikekang daripada terus membuat pinjaman atau memindahkan dana, pasti Datuk Seri Najib Tun Razak tidak ada pilihan lain kecuali menutupnya dan menyelesaikan masalah kewangan yang ada”**

**RAFIKI RAMLI**  
Naib Presiden PKR

"Jika kamar Peguam Negara enggan menggunakan kuasanya di bawah Perlembagaan untuk mendakwa 1MDB seperti disyorkan kertas siasatan BNM, maka wajar bagi bank pusat itu menggunakan kuasa lain memastikan masalah itu tidak berlanjut."

"Apabila 1MDB dikekang daripada terus membuat pinjaman atau memindahkan dana, pasti Datuk Seri Najib Tun Razak tidak ada pilihan lain kecuali menutupnya dan menyelesaikan masalah kewangan yang ada," katanya dalam kenyataan media, di sini, baru-baru ini.

Katanya, BNM juga wajar membatakan semua permit atau kelulusan pemindahan wang yang pernah diberikan selama ini dan menolak sebarang permohonan permit atau kelulusan pemindahan wang yang baru supaya dana 1MDB tidak boleh dipindahkan sesuka hati.

Sebelum ini, BNM membatakan tiga kebenaran diberikan kepada 1MDB di bawah Akta Kawalan Pertukaran Asing 1953 (ECA) bagi pelaburan luar negara sebanyak AS\$1.83 bilion (RM7.53 bilion) dan meminta ia menghantar pulang jumlah itu ke Malaysia serta menyerahkan pelan kepada bank pusat bagi tujuan terbabit.

# 'UMNOputera' mundurkan bumiputera

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SEGAMBUT** - Syarikat bumiputera di negara ini terpinggir dan sukar bersaing dengan syarikat kroni pemimpin Umno-BN yang jugadikenalisebagai'Umnoputera'.

Naib Presiden PKR, Nurul Izah Anwar, berkata ia berikutan syarikat 'Umnoputera' yang sering diberi laluan mudah untuk memperoleh sebarang projek kerajaan.

"Kita bermasalah apabila ekonomi dibolot 'Umnoputera'. Banyak syarikat bumiputera tertinggal atau dipinggir kerana mereka bukan dikenali sebagai 'Umnoputera'," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai berkata demikian selepas menghadiri Majlis Solat Hajat Untuk Kesihatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Kesejahteraan Negara di kediaman Anwar, di sini, pada 8 Oktober lalu.

Katanya, syarikat bumiputera juga terpaksa merangak dari bawah berbanding syarikat 'Umnoputera' yang didanai ahli perniagaan besar dan mendapat keistimewaan pemimpin Umno-BN.

"Lebihmemburukkankeadaan jika perjanjian TPPA ditandatangani yang menyebabkan syarikat bumiputera kehilangan keistimewaan dan terpaksa bersaing dengan syarikat gergasi negara asing," katanya.



Nurul Izah

## Mahkamah Tinggi tolak pemohonan Utusan



N SURENDRAN

**KUALA LUMPUR** - Permohonan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad untuk memasukkan sabitan Fitnah II dalam prosiding pembelaan kes saman Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim ditolak Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Hue Siew Kheng membuat keputusan itu selepas mendengar permohonan Peguam Utusan Melayu, Firoz Hussein Ahmad, pada 6 dan 7 September lalu.

Katanya, pertuduhan sabitan itu tidak boleh digunakan dan diteri-

ma sebagai bukti yang sah dalam kes terbabit.

Peguam Anwar, N Surendran pula menegaskan cubaan mengaitkan sabitan kes fitnah Anwar itu tidak relevan dan tidak mempunyai sebarang kaitan dalam kes berkenaan.

Dalam sesi penghujahannya, Surendran turut merujuk keputusan Mahkamah Rayuan yang memutuskan sabitan terhadap pertuduhan jenayah tidak boleh digunakan dalam kes sivil membabitkan Anwar, pada Mei lalu.

"Mahkamah Tinggi tertakluk kepada keputusan Mahkamah Rayuan kerana ia adalah kuasa tertinggi yang ada di Malaysia," katanya.

Pada 2013, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk VT Singhaputra mutuskan Utusan Malaysia bertangungjawab memfitnah Anwar berhubung wawancara beliau bersama Perbadanan Penyiaran British (BBC).

Kes berkenaan difaikkan Anwar pada tahun 2012 dengan menuntut ganti rugi dan perintah injuksi RM50 juta terhadap Utusan.

## 1MDB cemar imej sebagai Pengerusi ASEAN

**SEGAMBUT** - Skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) membabitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mencemarkan imej negara sebagai Pengerusi Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata ia turut memberi kesan negatif terhadap kepercayaan negara bukan Islam terhadap Malaysia yang memikul amanah itu.

"Kita juga adalah Pengerusi ASEAN dengan membawa imej Islam. Penting untuk kita jaga dan tunjukkan Islam menjaga amanah.

"Peringkat antarabangsa melihat Malaysia apabila orang yang menyalah dinisikirkan seakan ada tangan ghaib seperti dikatakan bekas timbalan perdana menteri," katanya di sini, pada 8 Oktober lalu.

Dr Wan Azizah turut menggesa Najib supaya tidak mengelak soalan berkenaan 1MDB dalam persidangan Parlimen akan datang dan menyifatkan sukar untuk menjalankan undi tidak per-

caya ke atas perdana menteri.

"Memang kita lihat seperti di Australia boleh sahaja menukar perdana menteri tetapi Malaysia banyak lagi cabaran," katanya.



Undi tak percaya

# Ahli Parlimen mahu bentang usul

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SEGAMBUT** - Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar menge- sahkan wujud perbincangan antara Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dengan blok pembangkang bagi mengada- kan undi tak percaya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Nurul Izzah berkata, be- liau juga tahu langkah itu su- kar dilaksanakan kerana Najib melakukan persediaan awal termasuk 'menyuap' Ahli Parli-

men BN dengan menaikkan pe- runtukan RM5 juta seorang.

"Perbincangan berlaku de- ngen rancak tetapi bak kata orang putih 'the prove of the pudding is in the eating'. Jadi kita lihatlah nanti, undi tak percaya berlaku atau tidak.

"Pada saya, kita boleh berjanji pelbagai perkara tetapi adakah mereka berani mendepani cabaran dan mengundi untuk masa depan di akhir pelunasan pada hari terbabit.

"Awal lagi, kita mengajak mereka secara terbuka dan

pertemuan ada walaupun bu- kan berskala formal tetapi tak mencukupi kerana ujian sebenar adalah pada hari Dewan Rakyat bersidang nanti," kata- nya kepada Selangor Kini.

Nurul Izzah berharap Ahli Parlimen BN mampu berfikir ra- sional demi masa depan negara dan rakyat.

"Kita harus pragmatik, adakah perjuangan ini harus dipanjangkan sedikit. Jika kita ada komitmen dan istiqamah, In Shaa Allah akan berjaya," ka- tanya.

Tambang pengangkutan awam naik

## Malaysia terus bebankan rakyat

**SEGAMBUT** - Pengurus dan se- luruh jawatankuasa Suruhanja- ya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) patut meletak jawatan kerana lebih mengutamakan keuntungan syarikat konsesi pengendalian pengangkutan awam berbanding kepentingan rakyat.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar, berkata ia terbukti jika SPAD memutuskan menaikkan tambang Monorel dan Transit Aliran Ringan (LRT) yang dijangka hujung Oktober ini.

Katanya, negara barat seperti Jerman, England, Singapura dan negara yang menggunakan sistem seumpama itu secara prinsipnya kerajaan memberikan subsidi bagi meringankan beban rakyat dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

"Pada saya, jika prinsip ini tidak dapat diterima, seluruh jawatankuasa SPAD kena letak jawatan. Apa rasional kita ada SPAD jika mereka tidak utamakan pengguna-

dar peratusan pengguna sistem pengangkutan awam darat," ka- tanya kepada Selangor Kini.

Katanya, sebelum ini Pakatan Rakyat sudah mengingatkan supaya kerajaan mempraktikkan konsep harga berpatutan bagi menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan awam, sekali gus meringankan beban rakyat.

"Diharapkan tidak ada ke- naikan sejarar dengan konsep menarik lebih ramai lagi orang untuk tidak gunakan pengang- kutan persendirian tetapi pen- gangkutan awam," katanya.

**NURUL IZZAH**  
Ahli Parlimen Lembah Pantai



## Majlis Raja-Raja tak sentuh 1MDB jika telus

**SEGAMBUT** - PKR percaya titah Majlis Raja-Raja supaya siasatan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diselesaikan segera eko- ran kebimbangan terhadap ketelusuran siasatan kes itu.

Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata Majlis Raja-Raja juga tidak akan menyentuh isu itu jika tiada pihak mengganggu siasatan dijalankan.

"Itu yang menyebabkan sam- pai ke tahap Majlis Raja-Raja, bahkan didebakkan Wall Street Journal apabila menyentuh imej

negara yang mesti dijaga," kata- nya di sini, pada 8 Oktober lalu.

Dr Wan Azizah turut memper- soalkan tindak-tanduk Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang sentiasa mengelak menjawab isu 1MDB yang menam- bahkan lagi kebimbangan itu.

"Sebagai perdana menteri, jika beliau rasa tak ada masalah, maka jawab sahaja sebab kita nak akauntabiliti tetapi mengapa mesti mengelak."

"Persoalannya, jika 'nothing to hide' mengapa tak jawab dan berdolak-dalih," katanya.

## Jangan guna Akta Hasutan sewenangnya

**SHAH ALAM** - Gerakan Hapus Akta Hasutan (GHAH) melahirkan kekecewaan terhadap Akta Hasutan 1948 yang didakwa diguna- kan kerajaan sewenang-wenangnya untuk menahan pihak tidak sehaluan dan pengkritiknya.

Jurucakap GHAH, Yap Swee Seng, berkata penahanan aktivis Khalid Ismail tidak boleh dibuat di bawah akta itu kerana apa dizahirkan beliau melalui laman sosial tidak berbaur hasutan.

"GHAH mendesak Khalid dibe- baskan segera kerana reman dibuat bermula 7 Oktober lalu selama dua hari dan lanjutan em- pat hari selepas itu adalah tidak wajar.

"Jika tujuannya hanya kerana ingin menyiasat satu kenyataan di media sosial, polis tidak seharusnya menghabiskan masa me- nyiasat perkara remeh ini ekoran jenayah meningkat saban hari yang memerlukan lebih banyak tumpuan," katanya dalam ke- nyataan.

Beliau berkata, pihaknya de- ngan tegas mendesak supaya



**Yap Swee Seng**

kerajaan berhenti menggunakan akta drakonian serta menuntut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menunaikan janji dibuat pada 2012 untuk memansuhkan akta zalim itu bagi menjaga diver- siti dan menghormati kebebasan bersuara di kalangan rakyat.

Khalid ditahan berikut tulis di laman sosial twitter pada 6 Ok- tober lalu menyebut "Jangan kita lupa, ada 2 orang yang sedang di- tahan dipenjara sebelum dibuktikan bersalah. 1) Kamal Hisham 2) Khairuddin – mereka berdua me- lawan berhala".

# Hab Halal Selangor catat pelaburan RM3 billion

OLEH NAZLI IBRAHIM

**KLANG** - Hab Halal di Selangor berjaya mencatatkan pelaburan baru bernilai RM3 billion dengan menyediakan 6,000 peluang pekerjaan baru.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pembinaan projek Taman Perindustrian Hijau Pulau Indah Fase 3C dan Pulau Indah Food Station di Pulau Indah, Pelabuhan Klang, di sini, pada 10 Oktober lalu.

Jualan Dan Perasmian Taman Perindustrian Hijau Pulau Indah Fase 3C Dan Pulau Indah Food Station di Pulau Indah, Pelabuhan Klang, di sini, pada 10 Oktober lalu.

Mohamed Azmin turut mengucapkan tahniah kepada pemaju projek, Central Spectrum (M) Sdn Bhd yang mahu mengembalikan Pulau Indah kepada ekosistem lebih baik dengan pelbagai kemudahan termasuk prasarana bersukan.

Katanya, langkah Central Spectrum membelanjakan RM2 juta bagi menaiktaraf jalan di Pulau Indah adalah langkah proaktif bagi memastikan keselesaan pelabur di kawasan itu.

"Saya sudah mengarahkan pihak berkuasa tempatan memastikan jalan di kawasan perindustrian diselenggara dengan baik bagi keselesaan pelabur dan pekerja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Pelancaran



## Rakyat mahu fokus isu kehidupan

**SHAH ALAM** - Pentadbiran Kerajaan Negeri kekal berjalan seperti biasa walaupun wujud suasana politik agak tidak menentu sejak kebelakangan ini.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata ia jelas seperti dinyatakan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali supaya Kerajaan Negeri memenuhi mandat diberikan rakyat dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) lalu.

"Kerajaan Negeri perlu berjalan seperti biasa sebab kita memikul amanah yang perlu dipenuhi iaitu mandat pada 2013."

"Rakyat tak mau (pimpin) asyik berpolitik tetapi dia nak longkang bersih, jalan rata, ada orang bantu bila nak beli rumah. Jika flat dia bocor ada orang bantu, bila nak cat ada orang bantu," katanya kepada Selangor Kini, baru-baru ini.

Katanya, pergolakan politik tidak memberi sebarang kesan positif dalam usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada



**Rakyat lebih suka bila kerajaan memberi fokus kepada perkara ini (kebijakan) bukan cerita bergaduh siapa yang duduk di sini atau siapa duduk di sana**

**ISKANDAR ABD SAMAD**

rakyat negeri itu.

"Rakyat lebih suka bila kerajaan memberi fokus kepada perkara ini (kebijakan) bukan cerita bergaduh siapa yang duduk di sini atau siapa duduk di sana. Tetapi lebih kepada perkara yang memberi kesan kepada kehidupan mereka," katanya.

## Exco Le Tour jelajah 12 PBT

**PETALING JAYA** - Program Jelajah Exco (Exco Le Tour) bakal singgah di semua 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negeri, kata Exco Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari.

Beliau berkata, ia dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), bahkan dua PBT berkenaan diangkat sebagai Kota Seni dan mempunyai sekretariat khas bagi men-

jalankan aktiviti berkaitan.

"Kita mahu pembangunan bukan sahaja dicapai secara fizikal dan material di Selangor tetapi membabitkan aspek penting lain seperti keagamaan, kebudayaan dan moral."

"Perkara seperti ini seharusnya menjadi teras supaya kita tidak hilang jati diri," katanya pada Majlis Exco Le Tour yang turut dihadiri Datuk Bandar, Mohd Azizi Mohd Zain, di Dataran Boulevard, di sini, pada 10 Oktober ini.

Mengulas pemilihan MBPJ se-

bagi Kota Seni, Amirudin berkata pemilihan itu sesuai dengan fasiliti dan sifat semulajadi Pusat Bandar Seksyen 52.

"Di sini, kita bukan sahaja mempunyai lanskap dan laman yang cantik tetapi turut dilengkapi aspek lain seperti kewujudan sedia ada pelbagai galeri seni serta lukisan juga panggung wayang."

"Ia bukan sahaja menjadi tarikan kepada penggiat seni dan budaya tetapi mampu memberi sumbangan kepada sektor pelancongan," katanya.

## Tumpu pelaburan berteras teknologi tinggi

**KLANG** - Kerajaan Negeri lebih selektif bagi memastikan pelaburan baru di negeri itu memberi impak tinggi terhadap ekonomi negeri dan rakyat.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri mengalau-alukan projek pelaburan berteraskan industri teknologi tinggi bagi mencapai sasaran menjadikan Selangor sebagai 'smart state' dalam masa terdekat.

"Kita lebih selektif berkenaan pelabur luar pada masa akan datang. Kita tak mahu industri berteras buruh tetapi berubah kepada berteknologi tinggi untuk mencapai sasaran negeri 'smart state'."

"Kita menumpukan usaha mempromosi lima industri utama iaitu elektronik, elektrikal, barang kenderaan, bioteknologi, makanan mesin dan peralatan," katanya, di sini, pada 10

Oktober lalu.

Katanya, Selangor merancang membina lebih banyak taman perindustrian moden dan lengkap ekoran permintaan semakin berkembang dalam projek berkenaan sejak beberapa tahun.

Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor juga mempromosikan taman perindustrian bagi merancakkan kemasukan pelabur dalam dan luar negara.

# Betulkan salah laku UMNO

OLEH AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Ahli Parlimen Tanjung Karang, Datuk Seri Noh Omar disarankan menyelesaikan salah laku Umno di Selangor terlebih dahulu sebelum mencampuri sebarang isu di negeri itu.

Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar, Shuhaimi Shafiei, berkata kenyataan itu merujuk kepada tindakan Umno Selangor yang sering menjadikan sekolah sebagai medan politik mereka.

"Tindakan berkenaan bukan sahaja tidak wajar, bahkan menunjukkan politik murahan parti itu. Hentikan segera menjemput dan membenarkan Ketua Umno bahagian masuk ke sekolah.

"Tidak wajar golongan pendidik dipaksa mendengar celoteh

wakil rakyat Umno dan mengugut mereka yang memberikan ruang kepada wakil rakyat Pakatan Rakyat," katanya kepada Selangor Kini.

Adun Sri Muda itu turut meminta Noh menjadi 'ketam yang berjalan lurus' sebelum memberi tunjuk ajar kepada orang lain.

"Selepas Noh bantu betulkan (salah laku) itu, baru dia layak nak komplen kelemahan orang lain," katanya.

Terdahulu, Noh yang juga Pengurus Umno Selangor meminta Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengambil tindakan tegas terhadap penyalahgunaan Selangor Kini yang didakwa menjadi alat propaganda politik parti.

Beliau juga mendorong Kerajaan Negeri supaya menghentikan pe-



nyalahgunaan masjid sebagai tempat berpolitik tetapi Umno Selangor yang didapati terdesak menggunakan premis institusi pendidikan untuk menyampaikan agenda politik mereka.



## Pendekatan kreatif tarik generasi muda imarah masjid

**GOMBAK** - Pengurusan masjid di-gesa melaksanakan pendekatan lebih kreatif dalam usaha menarik minat belia dan remaja mengimarahkan rumah Allah SWT itu.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pihak pengurusan boleh mencontohi masjid yang berjaya melaksanakannya sama ada dari dalam atau luar negara.

"Masjid seharusnya menjadi

tempat percambahan ilmu kerana ia adalah tuntutan Islam bukan sekadar tempat beribadah.

"Seperti Masjid Nabawi di zaman Rasulullah SAW yang berfungsi sebagai pusat pendidikan juga pusat ekonomi seperti baitulmal yang mengajihkan zakat dan sedekah," katanya, di sini, pada 9 Oktober lalu.

Mohamed Azmin juga menyatakan kedaulatan masjid sebagai

pusat sehenti kembali dihidupkan di Selangor.

"Malah ketika zaman Rasulullah SAW, masjid pertama dibinanya menjadi asas penyatuan kaum Ansar dan Muhajirin."

"Begini juga dengan Masjid Nabawi yang diimarahkan dengan pelbagai kegiatan bukan sahaja untuk umat Islam tetapi komuniti bukan Islam seperti Yahudi dan Kristian," katanya.

## Perlu TOL premis niaga

**SHAH ALAM** - Tapak premis perniagaan milik penduduk di Pulau Ketam perlu diberikan Lesen Penempatan Sementara (TOL) seperti penempatan mereka.

Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali, berkata hal itu kerana TOL yang akan dikeluarkan Kerajaan Negeri hanya merangkumi kawasan tempat tinggal mereka.

"Kebimbangan ini disuarakan penduduk. Mereka mahu premis perniagaan juga diberikan TOL kerana kebanyakannya dilakukan bersebelahan atau berdekatan penempatan penduduk," katanya kepada Selangor Kini.

Dr Halimah berkata, isu pemilikan tanah di kawasan itu sudah

dibangkitkan sejak dahulu, namun inisiatif memberikan TOL baru dilihat selepas Kerajaan Negeri bertukar tangan.

"Sebelum ini, penduduk mahu TOL diberikan untuk tapak rumah. Namun, pernigaan tidak dimasukkan sekali dalam TOL terbabit.

"Jadi, mereka berharap premis pernigaan turut diberikan TOL membabitkan pertimbangan keluasan yang diperoleh sebelum ini," katanya.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata akan melihat isu pemberian TOL kepada 1,300 penghuni Pulau Ketam dan mahu memperbaikkan jati sedia ada.

## Syukur miliki kerajaan tolak perkauman

**PANDAN** - Pengunjung Sambutan Pesta Tanglung peringkat DUN Chempaka melahirkan rasa lega dan bersyukur apabila Selangor diterajui kerajaan yang tegas menolak politik perkauman.

Hal itu berbeza dengan pemimpin Kerajaan Persekutuan yang bercakap berkenaan perpaduan kaum, namun pada masa sama mempromosi sentimen perkauman sebagai senjata politik mempertahankan sisa kuasa yang ada.

"Langkah Kerajaan Selangor tolak perkauman tindakan betul kerana kita ada pelbagai kaum. Bagaimana nak hidup bersama dan maju, kalau tiada persefahaman dan tidak kenal mengenali?

"Contohnya Pesta Tanglung ini, kita dapat kenal antara satu sama lain tak kira Melayu, Cina atau India dan ini patut diteruskan," kata Juruteknik Swasta, Marcus, 32, kepada Selangor Kini.

Pekerja swasta, Suhaini Sham-suddin, 41, pula memberitahu, Pesta Tanglung yang menjadi acara tahunan di DUN Chempaka menjadi landasan mengenali lebih dekat budaya antara kaum.

"Program seperti ini boleh mendekatkan kita untuk lebih mengenali budaya orang Cina dan mereka juga dapat mengenali budaya kita dalam program seperti Hari Raya. Begitu juga dengan sambutan Deepavali bagi orang India," katanya.

Sementara itu, penjaga stor, M Solairajah, 36, pula berkata program seperti itu mampu menyemai semangat bertoleransi antara kaum.

"Bila kita dah kenal, baru jadi kawan dan menyebabkan lebih mudah bertolak ansur. Kenal itu bukan bermakna tahu nama dia tetapi yang penting kita tahu mereka tidak musuh kerana warna kulit," katanya.

## SELANGOR NK SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Muaz Omar

**PENGARANG :** Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG** Mohd Ezli Mashut

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,  
Hafizan Taib: ezhafizan@gmail.com, Lizawati Madfa : lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan : afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,  
Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazlibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian : syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,  
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

# Pelaburan RM4.22 billion sehingga Jun

OLEH AFEEQAH AFEERA

**SHAH ALAM** - Pelaburan di Selangor terus kukuh dengan pelaburan RM4.22 bilion sehingga Jun lalu apabila laman sesawang Invest Selangor Berhad memaparkan RM2.3 bilion adalah penyertaan pelabur asing,

manakala RM1.92 bilion (tempatan).

Tiga negara pelabur asing paling utama di Selangor setakat ini adalah Jepun, Sweden dan Singapura.

"Sehingga kini, 130 projek sudah diluluskan di Selangor dengan peluang pekerjaan lebih

300,000 diwujudkan.

"Selangor juga terus unggul berada di tempat keempat daripada segi destinasi pelaburan Malaysia," katanya.

Antara tahun 2000 hingga 2014, Selangor berjaya menarik pelaburan RM143.6 bilion dengan Jepun menjadi pelabur as-



## Dari buku 555 ke aset RM50 juta

**PELAHUAN KLANG** - Kegigihan syarikat pelabuhan dan logistik, Baiduri Dimensi Sdn Bhd mempuh pelbagai cabaran bagi mengembangkan perniagaan wajar dicontohi usahawan lain.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata syarikat pegangan 100 peratus bumiputra itu kini memiliki aset bernilai RM50 juta kurang dari 20 tahun beroperasi berkat kegigihan Pengarah Urusan Baiduri Dimensi, Musa Mohammad dan kakitanganinya.

"Dalam tempoh yang singkat, kurang 20 tahun syarikat Baiduri Dimensi berjaya mencatatkan prestasi yang amat membanggakan khususnya bagi Kerajaan Negeri."

"Seperti yang dimaklumkan Musa, pada 1997 beliau hanya mempunyai sebuah lori, modal RM10,000 dan hanya mengguna-

dibantu isterinya yang tidak tidiur walaupun adakalanya rakan kongsi memang betul-betul tidiur," katanya pada Majlis Perasmian Gudang Baru Baiduri Dimensi, di sini, pada 3 Oktober lalu.

Katanya, kejayaan syarikat Baiduri Dimensi mengembangkan perniagaannya turut memberi impak ekonomi kepada Selangor dan rakyat negeri itu khususnya dalam bidang pekerjaan.

Sementara itu, Musa berkata, beliau menggunakan modal RM10,000 dan buku 555 untuk mengambil pesanan ketika mengimbau kembali pengalamannya memulakan perniagaan itu.

"Hari ini amat bersejarah bagi Baiduri Dimensi dan diri saya apabila awal perniagaan cuma berbekalkan sebuah lori, modal RM10,000 dan hanya mengguna-

kan buku 555 untuk membuat kirakira juga mengambil pesanan pelanggan.

"Rakan perniagaan saya yang juga 'sleeping partner' Rafidah Ashikin iaitu isteri menyediakan invois untuk pelanggan," katanya.

Hari ini, Baiduri Dimensi berjaya memiliki tiga gudang seluas 360,000 kaki persegi, 50 'Prime Movers', 300 trailer dan aset lain yang dianggarkan bernilai RM50 juta.

Beliau berkata, Baiduri Dimensi juga berjaya mengembangkan aktiviti perniagaannya di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor pada 2001 selain Pelabuhan Klang.

Baiduri Dimensi yang mempunyai lebih 500 pekerja ketika ini turut mensasarkan meluaskan perniagaan dalam bidang perkapalan pada masa hadapan.

**INVEST SELANGOR**  
THE GOLDEN STATE OF MALAYSIA

ing tertinggi.

Selangor juga mewujudkan jaringan kerjasama strategik de-

ngan syarikat milikan asing bagi memperkenalkan negeri itu kepada pelabur luar.

## Kursus kemahiran jamin kelangsungan ekonomi

**KUALA SELANGOR** - Golongan belia desa disarankan melengkapkan diri dengan kemahiran tertentu bagi menjamin kelangsungan ekonomi, kata Pembantu Exco Hal Ehwal Agama, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Razali Hassan.

Beliau berkata, kemahiran seperti masakan dan dandanannya mampu menjana pendapatan lumayan, bahkan ia juga bermanfaat kepada golongan belia desa terutama dalam menghadapi cabaran ekonomi getir ketika ini.

"Ada pengusaha makanan yang sekadar berniaga pasar malam mampu meraih pendapatan tinggi, bahkan bergelar jutawan senyap.

"Begitu juga pengusaha kedai gunting rambut pabila dalam tempoh sebulan memperoleh pendapatan mencecah RM6,000. Malangnya, kurang anak Melayu

yang berminat bidang dandanannya," katanya.

Beliau yang juga Adun Dusun Tua berkata demikian dalam Majlis Perasmian Penutup Kursus Jangka Pendek Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi di Dewan Auditorium, Kolej Antarabangsa Inpens, di sini, 4 Oktober lalu.

Beliau turut menyampaikan sijil penyertaan kepada 120 peserta dengan diiringi Pengurus Komunikasi Inpens, Jefri Mijan.

Terdapat lima kursus yang berlangsung selama dua hari (3 dan 4 Oktober) membabitkan kursus jahitan, dandan rambut, kecantikan, penyejukbekuan dan Bengkel motosikal.

Setiap peserta diberikan kursus dan latihan percuma selain pengangkutan yang turut disediakan pejabat daerah.





RESIDENCE  
**Citrina 3**  
BERNAM JAYA

# RUMAH KLUSTER 2 TINGKAT




- Setiap unit adalah unit tepi dengan bukaan saiz lot 42' lebar
  - Ruang tamu dan dapur yang praktikal
  - Akses mudah ke rangkaian Lebuhraya Utara-Selatan dan Jalanraya Tanjung Malim-Rawang
  - Dikelilingi prasarana membangun seperti sekolah, hospital, pusat komersil dan Universiti Pendidikan Sultan Idris
  - Pengudaraan dan pencahayaan yang baik
  - Laman yang luas

KLUSTER 2-TINGKAT • 1.445 - 2.036 KPS • 3 REKABENTUK MODEN



KOORDINAT GPS : N3 39 27 E101 32 12

[www.pkns-property.com](http://www.pkns-property.com)



50 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan dan Merealisasi Impian

 PKNS



**WINNER OF THE PRESTIGIOUS  
ECA ASIA TOP 10 PROPERTY  
DEVELOPERS AWARD  
2 YEARS RUNNING**



016 251 0113 013 939 0310 013 393 8183  
019 269 7641 013 342 1098 019 303 4342

**Perbedaan Kemerluhan Negari Selangor, Belahan Juasas Hertanah Wilayah Tengah, Tingkat 2, Kompleks PKNS Shah Alam, Pusat Perdagangan dan Perkhidmatan (PKNS) Selangor Darul Ehsan - No. Lesen Pengaruh: 9062-84-01-2016B91[L] - Tempoh Sah: 25/01/2014 - 24/01/2016 + No. Permit Pengiklanan: 9062-84-01-2016B91[PI] - Tempoh Sah: 25/01/2014 - 24/01/2016 + Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bengunan: Majlis Daerah Hulu Selangor + No. Kelulusan Pelan Bengunan: (8) dlm. MOHS-431/12/2015-15000-B/2014-1111-1111 - Subaran Tanah: Tudu - Peruntukan: Pajakan 99 tahun tamat pada April 24/2/2017 - Suruhan Djangka: Surat Diberitahuan 2013 - Bilangan: 13 dan 15 - Luas = 78 x 14m (Mylaris): PRM863,363 | Skema Keperluan: Tanah yang dilulus mula ini tidak boleh dipandahmukaik, dipasuki atau digunakan dengan kelebihan pihak berkuasa negara - Infomasi yang terkandung dalam ikatan ini tetapkan peraturan dan hukum berlaku dianggap sebagai sasaran tawaran atau kontрак. Semua istilah boleh dipergantikan walaupun jika terdapat entitas atau butiran yang tidak lagi sah. Semua fustath adalah gambaran pelaku setahap.**

Tarik lebih ramai pengguna

# eZakat Online permudah urusan bayaran

**A**plikasi mudah alih, eZakat Online (eZO) yang diperkenalkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) memudahkan urusan bayaran dan semakan maklumat pengguna. Sistem atas talian yang semakin popular dalam kalangan masyarakat khususnya Gen-Y bertujuan menuhi permintaan tinggi terhadap saluran penyampaian elektronik. Ia kemudian dipergiatkan melalui penganjuran kempen eZO untuk menarik lebih ramai pengguna menggunakan aplikasi itu. Ikuti temubual **wartawan Selangor Kini, AFEQA AFEERA bersama Ketua Sektor Dakwah dan Pemasaran LZS, Mohamed Syahril Zainol** bagi informasi lanjut.



Boleh terangkan berkenaan aplikasi eZO?

LZS ingin menyediakan kemudahan atas talian selaras dengan arus teknologi hari ini seperti aplikasi yang digunakan pakai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Ia bagi memudahkan pengguna atau pembayar zakat membuat bayaran, semakan dan mencetak resit sebagai bukti, di samping mengemas-kini maklumat peribadi mereka melalui perisian itu. Caranya mudah iaitu hanya perlu mengeluar laman sesawang www.



zakatselangor.com.my untuk mendaftar dan segala urusan boleh dilakukan di hujung jari.

Dengan aplikasi itu, LZS dapat menggalakkan umat Islam supaya menunaikan kewajipan membayar zakat fitrah dan harta yang dituntut agama, apatah lagi ia boleh dimanfaatkan melalui telefon pintar. Antara perkhidmatan bayaran zakat yang disediakan adalah ezakatpay, e-spg (Skim Potongan Gaji) dan perbankan internet.



Apakah signifikan aplikasi itu dilaksanakan?

LZS melihat perkembangan teknologi yang menuntut kita untuk mengambil peluang memantapkan layanan kepada pe-

ngeluar zakat supaya urusan bayaran dan kemas kini maklumat diper mudahkan.

Kita mahu mencipta rekod besar seperti dilaksanakan LHDN dan KWSP yang kini semakin popular apabila pelanggan tidak perlu lagi bersusah payah mendapatkan maklumat akaun di kaunter.

Sambutan yang diberikan amat baik dan dianggarkan kira-kira 10 ke 20 peratus pembayar zakat lebih cenderung untuk menggunakan aplikasi secara atas talian.

Apa yang menarik berkenaan eZO berbanding aplikasi lain?

Untuk menggalakkan lebih ramai pengguna memanfaatkan aplikasi itu, kita menawarkan pelbagai hadiah menarik melalui kempen eZO yang bermula pada 18 Jun lalu dan akan berakhir pada 18 November ini.

Kempen itu mudah untuk disertai iaitu pengeluar zakat hanya perlu ke laman sesawang eZO untuk pendaftaran penyertaan kem-

**Dengan aplikasi itu, LZS dapat menggalakkan umat Islam supaya menunaikan kewajipan membayar zakat fitrah dan harta yang dituntut agama, apatah lagi ia boleh dimanfaatkan melalui telefon pintar. Antara perkhidmatan bayaran zakat yang disediakan adalah ezakatpay, e-spg (Skim Potongan Gaji) dan perbankan internet**





“

**Daripada segi hukum, ia adalah harus untuk membuat pembayaran melalui atas talian kerana kewajipan atau niat terletak di dalam hati.**

#### pergiatkan aplikasi eZO?

Selain daripada kempen dan tawaran hadiah yang lumayan, Lzs giat melaksanakan promosi antaranya bual bicara zakat di radio IKIM FM untuk menghebahan maklumat itu.

Kita juga mencetak poster bersaiz A3 dan risalah dengan jumlah besar untuk diedarkan di lokasi tumpuan seperti masjid serta surau membabitkan kolaborasi zakat di seluruh Selangor.

Kita turut memaklumkan di setiap ceramah atau taklimat kepada umum, mengiklankan di surat khabar serta mengemaskini maklumat di laman sosial iaitu Facebook Lzs.

Selain itu, Lzs turut mempromosikan aplikasi ini melalui kaedah e-marketing seperti sistem pesanan ringkas (SMS) dan 'email blasting' kepada semua pelanggan.

Video berdurasi setengah

pen dan mereka akan mendapat kelebihan cabutan hadiah.

Lebih banyak bayaran zakat yang dilunaskan secara atas talian, maka lebih tinggi peluang mereka untuk memenangi hadiah yang ditawarkan.

Antara hadiah yang ditawarkan adalah pakej umrah bernilai RM6,000 bagi pemenang utama, pakej pelancongan bernilai RM3,000 untuk pemenang pertama, pakej pelancongan bernilai RM2,000 untuk tempat kedua, gajet telefon pintar untuk pemenang ketiga dan 30 hadiah suguhan lain.

Selain itu, pembayar zakat juga berperluang untuk memenangi hadiah bulanan berbentuk bau-car barang RM500 sehingga kempen berkenaan tamat.

#### Apakah hukum menggunakan aplikasi itu?

Daripada segi hukum, ia adalah harus untuk membuat pembayaran melalui atas talian kerana kewajipan atau niat terletak di dalam hati.

Kita tiada halangan soal hukum, kerana Islam berkembang mengikut peredaran semasa dan ia adalah sebagai galakan ke arah penggunaan teknologi.

Manakala, kempen yang dilaksanakan untuk menarik lebih ramai pelanggan juga tiada masalah dan halal bagi menghar-gai usaha pengeluar zakat menu-naikan kewajipan.

Bagaimakah cara Lzs mem-

minit berkenaan eZO turut di-siarkan di semua premis Lzs ter-masuk lokasi strategik seperti Hospital Darul Ehsan Medical Center (DEMC), Hospital Salam dan paparan iklan di Lebuhraya Persekutuan.

Klinik di beberapa daerah se-perti Petaling Jaya, Kelana Jaya dan Shah Alam juga mengambil bahagian untuk mengiklankan aplikasi dan kempen. Kita turut membuka kaunter di pejabat swasta.

**Siapakah yang layak menyertai eZO dan kewajipan yang dijalankan?**

Semua yang beragama Islam tanpa mengira usia layak menyertai kempen itu tetapi fokus utama terhadap golongan muda kerana penggunaan atas talian paling banyak digunakan mereka.

Perkhidmatan paling popular yang digunakan atas talian oleh golongan muda adalah e-spg iaitu pembayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji.

**Bagaimana jika pembayar zakat mahu menggunakan aplikasi ini?**

Jika pengeluar zakat berminta untuk menyertai kempen eZO yang menawarkan pelbagai hadiah, mereka boleh melayari laman sesawang Lzs dan mendapatkan maklumat lanjut di situ.

Tetapi jika mereka ingin mengemaskini maklumat dan membuat bayaran zakat, mereka boleh memuat naik aplikasi eZO di semua telefon pintar dan tablet Android di Google Play.

Dengan cara ini, mereka yang segan untuk ke kaunter boleh membuat semakan, kiraan dan lain-lain urusan secara atas talian dengan maklumat itu akan diakses terus kepada Lzs.

**Apakah harapan Lzs terhadap eZO?**

Bagi Lzs dan sebagai orang Islam, kita perlu meraikan perkara

“

**Jika sebelum ini mereka mengalami kesukaran untuk membayar zakat di kaunter, kini ia dipermudahkan melalui landasan atas talian yang memberi kesedaran bahawa tiada alasan untuk tidak melaksanakannya**

yang baik dan menghebahan kepada semua pembayar zakat sebagai galakan kepada menu-naikan tuntutan agama.

Perkara yang memberi manfaat kepada semua seharusnya di-terima masyarakat kerana ia sebenarnya berbalik kepada rukun Islam iaitu menuaikan zakat yang menjadi tanggungjawab umat.

Jika sebelum ini mereka mengalami kesukaran untuk membayar zakat di kaunter, kini ia dipermudahkan melalui landasan atas talian yang memberi kesedaran bahawa tiada alasan untuk tidak melaksanakannya.

Dengan usaha begini, kita yakin kutipan zakat akan terus meningkat untuk dimanfaatkan kepada golongan asnaf yang lebih me-rlukan kerana masih ramai di antara mereka yang mengharap-kan zakat.

## Apa kelebihan DAFTAR eZO?

- A** Menunaikan zakat melalui e-zakatpay
  - B** Menyemak maklumat bayaran zakat sepanjang tahun
  - C** Mengemas kini profil individu
  - D** Mencetak penyata zakat
  - E** Manyertai KEMPEM DAFTAR eZO
- Dengan mendaftar eZakat Online, anda boleh:**
- <http://www.zakatselangor.com.my>



▲ Adun Kajang, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail bersama Adun Hulu Langat, Dr Che Rosli di majlis kenduri rakyat bersama penduduk Sungai Kantan



▲ Adun Kota Alam Shah, V Ganabatirau merasmikan Karnival Rakyat 2015 dan merasmikan kabin Persatuan Penduduk Taman Petaling Indah, Klang



▲ Adun Paya Jara, Khairuddin Othman hadir meraikan Pesta Tanglung masyarakat Tiong Hua anjuran Persatuan Penduduk Bukit Rahman Putra.



▲ Adun Kuala Kubu Bahru, Lee Kee Hiong hadir bersama Sasterawan Negara A Samad Said bagi program seni dan masyarakat selama tiga hari di DUN terbabit



▲ Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafei beramah mesra sambil bersarapan pagi bersama kira-kira 200 penduduk pelbagai kaum hadir dari penduduk Zon C, Taman Sri Muda



▲ Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan meninjau sekitar Kampung Changkat iaitu kawasan yang terbabit dengan banjir kilat, baru-baru ini.



▲ Adun Permatang, Datuk Sulaiman Razak melihat Program Ops Monyet Bersama Platoon 10 STJ di Kampung Sri Tiram Jaya.



▲ Adun Teratai, Tiew Way Keng merasmikan Temasya Sukan Mahfuz 2015 membabitkan pelbagai acara antaranya memanah, futsal dan sepak takraw.



▲ Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali menyerahkan wang khairat kematian melalui Skim Mesra Usia Emas (SMUE) bagi DUN Selat Klang, Dun Pelabuhan Klang dan Dun Pandamaran.



▲ Penduduk Mutiara Bukit Raja 2 bergotong-royong bersama Adun Kota Anggerik, Yaakob Sapari bagi program mencegah dengan

OLEH NORHAYATI UMOR

**S**ENI Visual adalah sesuatu karya yang boleh dilihat melalui penglihatan mata. Karya itu bersumberkan daya fikiran dan kesenian yang asli daripada minda seseorang seterusnya diterjemahkan kepada objek nyata.

Permulaan seni visual terhasil dengan seni halus, ia bermula pada tahun 1930 apabila terciptanya karya catan yang terawal oleh Yung Mun Sen, Abdullah Arif dan beberapa tokoh lain.

Kini, lukisan bukan hanya karya tetapi hasil seni itu mula menjadi pelaburan dan menjadi trend kepada pelukis terkenal juga yang baru ingin menempa nama.

Senario Seni Visual di Malaysia, berlaku apabila persepsi 'industri' jarang dikaitkan dengannya. Pada masa lampau, kegiatan Seni Visual adalah inisiatif berkelompok atau perseorangan dan tidak digiatkan secara serius dalam kelompok besar sebagai suatu industri.

Tidak seperti negara Barat antaranya Perancis, United Kingdom dan Amerika Syarikat atau negara Timur seperti Jepun, India dan Indonesia apabila Seni Visual berkembang pesat sehingga menjadi industri.

Di sana, sekolah dan pusat pendidikan tinggi seni ditubuh serta dimajukan dengan jayanya. Malah, bandar serta perkampungan seni juga diwujudkan bagi menyemarakkan lagi kegiatan seni visual.

Bagi industri ini, usaha mantap dan bersepdu daripada semua pihak harus ada termasuk kerajaan, swasta, IPTA juga IPTS amat



## Seni Visual terjemah objek nyata

perlu bagi menghidup, merancak dan memartabatkan industri Seni Visual.

Di Selangor, usaha berterusan dilakukan Exco Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari yang mahu menjadikan ngerei itu sebagai pusat seni terbesar negara.

Langkah berterusan itu dizahirkan dalam usaha mengangkat Pihat Berkuala Tempatan (PBT) secara berperingkat sebagai Kota Seni dan mempunyai se-kretariat khas bagi menjalankan aktiviti berkaitan.

Mengikut statistik, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) mengutip lebih RM70 juta hasil jualan lukisan daripada pelbagai lapisan pengkarya dalam tempoh empat tahun, sejak 2011.

Jualan itu menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun dengan 2011 memperoleh sebanyak RM13.5 juta, diikuti 2012 (RM17.2 juta), 2013 (RM19.3 juta) dan 2014 (RM21.1 juta).

Bagaimanapun, usaha semua pihak perlu diteruskan pada peringkat akar umbi bagi memastikan pelajar diberi pendedahan dan minat dalam bidang itu.

Baru-baru ini, majalah berunsurkan Seni, Abstrak menganjurkan Pameran Bakat Muda Sekolah Menengah Daerah Klang 2015 bagi mencungkil bakat muda dalam kalangan pelajar yang minat dalam seni lukisan.

Pertandingan yang bertemakan Wajah Imajinatif Klang itu bersesuaian dengan motif utama pameran supaya pelajar yang terbabit mencari nilai estetika di sebalik pembangunan Klang sebagai Bandar DiRaja.

Selain bertujuan mencungkil bakat anak muda yang mempunyai minda paling imajinatif dan ketajaman daya fikir dalam menghasilkan karya mengagum-

kan, ia sekali gus mengubah wajah seni tanah air.

Pertandingan julung kali diadakan itu adalah salah satu usaha yang dilakukan dengan kerjasama Abstrak dan Bonanza Distributors Sdn Bhd dalam memartabatkan dunia seni tempatan.

"Ini kali pertama kita mengajurkan pameran seperti ini. Kita mahu memberi pendedahan kepada pelajar supaya tidak kekok apabila mereka menyambung pelajaran nanti.

"Apabila mendapat tempat di institusi pengajian tinggi, mereka akan lebih banyak terdedah untuk memperkenalkan karya dan ini adalah salah satu usaha untuk pelajar terabit membiasakan diri," kata Artis Abstrak yang juga Kurator Pameran, Nor Izzati Mohamad Zin.

Beliau berkata, pameran itu mendapat sambutan yang menggalakkan dari sekolah sekitar Klang dan 34 karya dipilih daripada 82 yang dihantar pelajar.

Lebih menarik, semua karya itu turut dijual dengan harga antara RM90 hingga RM300.

Nor Izzati berkata, pihaknya banyak mengadakan program ke sekolah seluruh Malaysia antaranya mengadakan bengkel kepada pelajar supaya mereka tahu bagaimana mendapatkan idea, teknik kom-

posisi, warna, objek, fungsi, tema dan makna sesuatu karya.

"Dengan sambutan yang menggalakkan, kami bercadang untuk melaksanakan pameran seperti ini untuk peringkat negeri akan datang," katanya.

Bagi Puteri Rosyazwina Zamrie, 17, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) (P) Raja Zarina, dia gembira apabila karyanya yang bertajuk 'Klang Ku Maju' dapat disiapkan dalam tempoh seminggu.

"Banyak cabaran untuk menghasilkan karya ini. Antaranya untuk mencampurkan warna yang digunakan. Daripada segi idea, banyak bantuan daripada guru dan ibu bapa.

"Klang Ku Maju melambangkan daerah itu sebagai Bandar Diraja. Oleh itu, objek masjid dan keris digunakan," katanya yang menggunakan media campuran dalam karyanya itu.

Anak bongsu bagi dua adik-beradik itu sememangnya meminati seni lukisan dari kecil dan mendapat sokongan keluarganya.

Pelajar diibaratkan sehelai kertas putih. Guru bertanggungjawab mewarnai fikiran mereka, menanam minat dan mencungkil bakat sedia ada.

Sehubungan itu, kita boleh memuji usaha yang dilakukan oleh pihak pengajian kerana mantap merancakkan kegiatan seni di peringkat sekolah kerana ia bukan mudah untuk dilakukan.



### SUPERMOKH SEBUAH LAGENDA

(Harimau Malaya mengaum lagi)

Harimau Malaya mengaum lagi  
Bisa taring mencecah jaring  
Ayuh anak bangsaku  
Kita bangkit dengan  
Sorakan semangat  
Ini sepanas keramat  
Mokhtar Dahari  
Dalam Kenangan  
Demi mahalnya harga  
Sebuah negeri bermaruah

Harimau Malaya mengaum lagi  
Bisa taring mencecah jaring  
Ayuh anak bangsaku  
Kita laungkan suara perpaduan  
Mokhtar Dahari, Soh Chin Aun

Santokh Singh, Arumugam  
Gah merentasi sempadan  
Bangsa agama dan budaya  
Demi nama Malaysia dan gemilang  
Di peta dunia

Merdeka...Merdeka...Merdeka

Hairuddin Sulaiman

# Bukan Sandiwara Angin Awan



OLEH THOYBA MURSYIDAH

**D**ADANYA sebu. Rasa pedih dan perit men-cucuk-cucuk atma. Biar darah tidak tampak mengalir, tetapi luka teramat parah untuk ditanggung. Saat itu dia merasakan tiada insan lain yang mengerti kesedihannya. Sakinah terduduk di luar bangunan hospital. Hakikat itu sukar ditelan. Anaknya mesti dibedah segera. Lubang di jantung mengancam nyawa.

Angin yang tadinya bertiup sepoi-sepoi bahasa kini bertukar deras. Serasa tubuh Sakinah bergoyang menampang angin. Sakinah mengatur langkah menuju ke arah suaminya. Dia kelu untuk berujar yang sebenar-benarnya. Apatah lagi dengan kos yang tinggi melangit dan pendapatan dia dan suami.

Angin makin rancak bertiup. Sese kali ada pusaran-pusaran kecil yang mengelilingi manusia disitu. Awan berarak di hamparan langit.

"Angin, kenapa kau begitu galak sekali hari ini? Apa kau mahu robohkan bangunan yang sedia ada?" Awan membuta tanya. Angin memperlahan geraknya

"Awan, aku ingin tenangkan ibu muda itu. Dia sedang berjuang untuk menyelamatkan anaknya," Angin berlegar-legar, kali ini lebih kuat.

"Tetapi kau seperti mahu menghambatnya dengan ketakutan, bukan memberi ketenangan," Awan masih ingin tahu.

"Sebenarnya aku sedikit marah juga. Kenapa orang yang

tidak berdaya sering diuji dengan kepayahan? Tetapi kemarahanku ini entah ke mana harus kupsarkan," Pohon-pohon kecil meliuk-lentuk seiring dengan hembusan kencang angin.

"Awan, tidakkah kau melihat perjuangan untuk menyelamatkan nyawa juga berpaksikan wang? Tanpa wang, anak kecil pun akan ditinggalkan tanpa pembelaan." Angin menyambung persoalan. Awan yang tadinya menyeliputi dada langit mulai bergerak menjauh antara satu sama lain. Sinar mentari memasuki celahan-celahan yang ada.

"Kau marahkan siapa? Mereka bertanggung jawab dengan nasib mereka sendiri. Kenapa kau mahu peduli? Biarkan sahaja mereka." Awan sengaja mahu bermain dengan perasaan Angin. Bukan dia tidak tahu dengan arah Angin yang kerap berubah.

"Kau ini Awan, langsung tidak punya belas kasihan. Kenapa yang punya wang sahaja diakui haknya?" Angin semakin bermosai.

"Usahlah dihimpit persoalan Angin. Cukuplah. Kita hanya mampu melihat semua sandiwara ini. Kesudahannya, yang diatas sentiasa penuh poketnya tanpa peduli pada yang dibawah. Kita tidak boleh buat apa-apa Angin." Persoalan Angin dimatikan begitu sahaja.

"Aku tidak sanggup melihat kesedihan mereka yang tiada upaya, mereka yang tiada wang. Setiap hari tangisan mereka sia-sia. Paling kerap aku dengar, mereka diminta untuk memo-hon dan menunggu. Menunggu

hingga terkadang nyawa insan sudah berada di penghujung." Awan masih terapung-apung. Di dadanya terisi air yang bertakung.

Kelihatan Sakinah berjalan pantas menaiki tangga bangunan hospital. Kerudung kuning cairnya menari-nari mengikut gerak angin. Bicara Angin dan Awan terhenti seketika. Mereka memerhatikan ibu muda itu yang masih punya sisa air mata di pipi.

Bunyi tangisan bayi membantutkan perjalanan Sakinah. Sekilas dia memandang bayi lelaki dalam lingkungan tujuh bulan sedang menangis sambil dipangku oleh ibunya. Tidak jauh dari situ, seorang budak lelaki dalam anggaran umur lima tahun sedang berlari-lari anak.

Mulanya Sakinah mahu meneruskan derap langkah. Tetapi apabila melihat ibu muda itu menyuarakan air berkarbonat kepada bayi itu, Sakinah spontan menjerit.

"Kakak, kenapa beri anak minum air gas?" Tusukan mata Sakinah tidak lepas pada bayi yang masih menangis itu. Rasa kasi-hannya membuat buak-buak. Wajah ibu muda itu masam mencuka, penuh kerisauan. Seakan-akan seluruh beban dunia berada di bahunya.

Soalan Sakinah tidak berbalas. Hanya kerlingan tajam yang diberi. Sakinah tidak sedap hati. Dia melihat budak lelaki itu datang menghampirinya.

"Ini anak kakak juga?" Ibu muda itu sekadar mengangguk.

"Kakak tunggu siapa disini?" Sakinah masih tidak berpuas

hati. Tersayat pilu di kalbu melihat bayi yang semakin kuat raungannya.

"Saya tengah tunggu suami. Susu anak ada dengan dia." Pendek sahaja jawapannya. Jadi bayi itu lapar.

"Sudah berapa lama kakak tunggu?" Soal Sakinah lagi.

"Dua jam." Sakinah mengelu panjang. Tanpa berfikir panjang Sakinah masuk semula ke dalam kereta lalu memecut pergi. Awan dan Angin masih memerhati.

"Kenapa dia pergi Awan?" Terdengar Angin mendesah-desah.

"Jangan tanya aku. Aku tidak tahu. Itukah yang kamu kata manusia yang tiada upaya tanpa wang untuk berjuang demi nyawa? Itukah mereka Angin?" soal Awan pula.

"Ya Awan. Merekalah yang terus menunggu dan menunggu," jawab Angin lemah.

Beberapa ketika kemudian, Sakinah tiba menjinjit beg plastik. Dia mengeluarkan botol susu, sebotol air mineral dan satu tin susu tepung. Tanpa banyak bicara, dia membancuh susu di hadapan wanita itu lalu menyuarakan pada bayi yang wajahnya sudah kemerah-merahan.

Wanita yang sedari tadi diam mulai menangis teresak-esak. Sakinah menepuk-nepuk lembut bahu ibu muda itu.

**Angin makin rancak bertiup. Sese kali ada pusaran-pusaran kecil yang mengelilingi manusia disitu. Awan berarak di hamparan langit.**

"Suami saya gila! Sudah janji tidak mahu main judi tetapi mungkir. Saya dipaksa bekerja dan sekarang mengandung lagi." Jantung Sakinah mahu terhenti. Dia kira nasib anaknya sudah malang tetapi ada insan lain yang lebih besar dugaannya.

"Anak ini jantung berlubang. Tidak cukup dengan itu, kedua matanya ada tumor. Saya datang minta bantuan, mereka kata suruh tunggu." Air mata Sakinah tidak dapat ditahan. Dia terduduk disisi dua beranak itu.

"Awan, lihatlah. Akhirnya yang membela sesama mereka adalah dalam kalangan mereka sendiri," Angin kembali memulakan geraknya. Kali ini lebih kuat dan menyukarkan segenap deria.

"Siapa pembela mereka yang sebenarnya Angin?" Badan Awan seakan-akan mahu memuntahkan titis-titis jernih. Namun masih terkawal.

"Pemimpin mereka Angin. Pemimpin yang ditakhifkan Tuhan," Angin beransur pergi. Awan berarak ke kaki langit.

 Kirim cerpen dan puisi kepada [seniselangor@gmail.com](mailto:seniselangor@gmail.com) untuk disiar di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang


Satu dalam 1,000

# Mokhtar Dahari tiada ganti

OLEH AFIX REDZUAN

**K**ata pepatah Melayu, patah tumbuh hilang berganti. Namun pemergian bintang terkenal sukan bola sepak negara, Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari sehingga kini belum ada galang gantinya.

Tiada siapa menduga, lagenda bola sepak negara yang terkenal dengan jolokan 'Super Mokh' itu pergi meninggalkan kita semua seawal usia 37 tahun di Pusat Perubatan Subang, pada tanggal 11 Julai 1991.



Walaupun sudah 24 tahun berlalu, nama beliau masih menyimpan dalam bibir peminat bola sepak tempatan, bahkan diabadikan di beberapa lokasi sebagai tanda ingatan buat selamanya.

Menyingkap semula sejarah lagenda bola sepak kebangsaan bernama Mokhtar Dahari, Allahyarham adalah penyerang sensasi pasukan Selangor sejak 1972 hingga 1987 dengan rekod jaringan 177 gol.

Sepanjang bersama Selangor, Mokhtar berjaya membantu pasukan itu menjulang Piala Malaysia sebanyak 10 kali.

Selepas menabur bakat bersama skuad The Red Gi-

ants, pemain kelahiran Setapak, Kuala Lumpur itu akhirnya membuat keputusan bermain di Kwong Yik Bank (sekarang RHB Bank) dan berjaya menghasilkan 20 jaringan.

Selain itu, beliau juga pernah menyertai pasukan Kelab Sultan Sulaiman, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Talasco.

Beliau bermain sebanyak 167 kali bersama pasukan Malaysia bermula dari 1972 dengan rekod 125 jaringan.

Sepanjang karier sebagai pemain profesional, Allahyarham Mokhtar pernah bermain menentang lagenda pasukan Argentina, Diego Maradona dalam satu perlawanan persahabatan di Stadium Merdeka, pada tahun 1982.

Beliau ketika itu menjadi ketua pasukan Pilihan Selangor menentang Pilihan Boca Juniors yang berkesudahan Boca Juniors menang 2-1.

Mokhtar juga pernah menjaringkan gol penyamaan 1-1 untuk pasukan kebangsaan ketika menentang skuad England B yang dibimbing lagenda Bobby Robson dalam satu perlawanan persahabatan, pada 1978.

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sentiasa mengenang jasa dan sumbangan Allahyarham Mokhtar hingga mencetuskan satu kejohanan bola sepak yang dinamakan Piala Dato' Mokhtar Dahari.

Walaupun ia adalah kesinambungan bagi Kejohanan Bola Sepak Piala DYTM Raja Muda Selangor, namun hasrat



baginda supaya kejohanan itu dapat mencungkil dan melahirkan pemain yang akan menyuarung jersi Selangor pada masa akan datang seterusnya di peringkat negara.

Tahun lalu, Google memberikan penghormatan kepada Allahyarham dengan memaparkan karikatur beliau pada laman utama carian mereka sempena ulangtahun kelahirannya, pada 13 November 1953.

Karikatur Allahyarham dipaparkan dengan reaksi mendekati tangan sambil memakai jersi kebangsaan bernombor 10.

Sumbangan dan pengorbanan Allahyarham mengharumkan nama negara dalam arena bola sepak antarabangsa turut dihargai apabila nama legenda bola sepak itu diabadikan pada sebuah jalan di Selangor.

Dinamakan Persiaran Mokhtar

Dahari, ia terletak antara persimpangan ke Meru dan Puncak Alam hingga ke persimpangan arah Shah Alam.

Nama sama turut diletakkan Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari yang terletak di Gambang, Kuantan selain pementasan kisah Allahyarham Mokhtar melalui teater 'Super Mokh'.

Hampir 25 tahun berlalu, Super Mokh terus segar dalam kenangan peminat bola sepak tanah air, bahkan ramai yang mengimpikan untuk mengikut jejak langkah beliau dalam sukan utama negara. Semoga akan lahir pemain baru yang boleh dibanggakan negara di peringkat antarabangsa, namun Mohktar Dahari tetap teguh dalam kenangan terindah bola sepak.

Al-Fatihah.

**MODERATOR**  
Prof. Medya Dr. Mohd Nor Mamat

Awia Rockersz  
Ust. Mohd Hanafiah  
Mel Wings

**BUAL BICARA**  
**JALAN KE SYURGA** (SIRI 1) TAHUN 2015

Pentas Utama Dataran Kemerdekaan Shah Alam | 9.00 Malam - 11.00 Malam  
17 Oktober 2015 (Sabtu) Majlis Pelancaran

Dengan kerjasama

TAJUK BUAL BICARA  
**HIJRAH KU**

Hadiyah Utama  
**CABUTAN BERTUAH**

ZAKAT SELANGOR

OLEH NAZLI IBRAHIM

**P**ENDETA Za'ba atau nama sebenarnya, Tan Sri Zainal Abidin Ahmad (16 September 1895-23 Oktober 1973) adalah intelektual Melayu yang aktif menulis pada era 30an hingga 70an.

Artikel pertama anak kelahiran kampung terpencil di Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan berjudul 'Temasya Mandi Safar di Tanjung Kling' diterbitkan dua kali dalam akhbar Utusan Malaya dan buku pertamanya bertajuk Umbi Kemajuan adalah penulisan semula karangan rencana keagamaan yang diterbitkan pada tahun 1932.

Antara tulisan terkenal dan sering dibahaskan sarjana adalah kritikan beliau terhadap sistem pendidikan penjajah Inggeris di Malaya yang dianggapnya memundurkan bangsa Melayu dan kritikannya terhadap bangsa itu sendiri.

Za'ba perpendapat jati diri adalah suatu sikap dan perangai yang melekat kepada sesuatu kaum tidak kira sama ada positif atau negatif.

Jangan terkejut, kerana bagi Za'ba terlalu banyak 'jati diri' (kalaupun boleh dianggap jati diri) dalam diri orang Melayu itu perlu dikikis sehabis-habisnya kerana menyekat bangsa itu memajukan dirinya untuk menyaingi bangsa lain.

Menurut intelektual Melayu itu, kemiskinan adalah ciri kemelayuan yang paling menonjol berbanding sifat lain yang dimiliki bangsa itu secara kolektif. Kemiskinan dalam pengertian luas inilah yang menjadi punca ketidakberdayaan Melayu bersaing mengejar kemajuan.

Bagi Za'ba, kemiskinan yang paling mendasar dalam kalangan masyarakat Melayu adalah 'kemiskinan watak dan otak'. Za'ba menggariskan kemiskinan watak sebagai kemiskinan perangai meliputi sifat keperibadian negatif termasuk kehilangan beberapa sifat dalam diri orang Melayu.

Sifat yang dimaksudkannya

# Bila Za'ba kata Melayu miskin watak dan otak



bergantung kepada diri-sendiri (self-reliance), tabah dan gigih (perseverance), tanggungjawab peribadi (sense of responsibility), kesedaran melaksanakan kewajipan diri (sense of duty), menepati masa (punctuality), bekerja kuat (industry), perniagaan, berjimat cermat dan sifat utama membawa kejayaan (amanah, benar, menepati janji dan memenuhi komitmen).

Sifat negatif lain yang tiada pada Melayu di mata Za'ba adalah kepimpinan dan keteladanan (berani, bijak, mampu menimbang dan menilai, cekap membuat keputusan, pantas menyelesaikan masalah, pandai mengambil hati dan penyayang), rela berkurban (self-sacrifice), hilang kepedulian terhadap kepentingan awam (public spirit), kematian idealisme, kepudarhan patriotisme (hubungan) dan kesedaran berkenaan matlamat hidup.

Za'ba menjelaskan kemiskinan otak pula sebagai tidak berpengetahuan, tidak berpelajaran dan tidak berkemahiran sehingga menyebabkan Melayu ketinggalan dalam segala sektor kehidupan ekonomi.

Tokoh ilmuwan itu menjelaskan kehidupan masyarakat Melayu di zamannya sebenar-benarnya katanya di bawah tempurung baik bagi Melayu alim atau jahil kerana semua sama sahaja.

Ujar Za'ba, kemiskinan otak dapat dilihat dengan kemiskinan bahan bacaan dalam masyarakat Melayu ketika itu seperti kitab hijayat dan karya lain bukan jenis yang membangkitkan kesedaran, semangat dan cita-cita tinggi.

Tak cukup dengan itu, Za'ba menggambarkan kemiskinan Melayu memiliki yang sikap ung-gul itu dapat dilihat apabila sangat sukar menemui istilah dalam sepatuh perkataan yang meng-

gambarkan sifat berkenaan.

Za'ba pernah berkata, "Hingga perkataan pun tiada kita dapat dalam Bahasa Melayu bagi menama kebanyakan daripada sifat kemuliaan perangai yang tersebut di atas itu dalam sepatuh kalimah tiap-tiap satunya."

Umpama satu penghinaan, kata-kata Za'ba memang pahit untuk ditelan dan menyebabkan sesetengah Melayu terasa hati dengan kritikan tajamnya itu.

Tetapi, jangan salah anggap dengan kritikan itu kerana Za'ba mempunyai alasan kukuh terhadap setiap apa yang dikritiknya itu, bahkan dia sendiri merasakan dirinya 'sangat Melayu' sekali merasa layak dan berhak berbicara berkenaan Melayu.

Kritikannya itu bukan bermotif untuk menghina tetapi untuk membangkitkan kesedaran bangsa Melayu dan inilah gaya pemikiran Za'ba terhadap bangsa-

nya sendiri yang perlu kita terima.

Menurut Presiden Kolej Dar al-Hikmah (KDH), Datuk Dr Siddiq Fadzil, Za'ba adalah cendikiawan Melayu yang prihatin terhadap nasib yang menimpa bangsanya dan untuk melaksanakan misi reformatifnya, Za'ba harus mengkritik bangsanya sendiri tetapi tentunya bukan untuk menghina tetapi membina.

Za'ba pernah menyebut "Penulis ini sendiri seorang Melayu - seorang yang penuh totok darah Melayunya, bukannya Melayu jawi pekan atau yang berdarah campur tetapi ialah Melayu kampung yang sejati-hati asal Melayu," katanya merujuk kepada dirinya sendiri.

Bagaimapun, bukan disebabkan beliau berbangsa Melayu alasan melayakkan Za'ba membahas isu kemelayuan tetapi lebih daripada itu adalah kempetensi keilmuannya sebagai cendikiawan yang memahami serba-serbi berkenaan Melayu - bahasa, sastera dan budaya di samping penguasaannya dalam pelbagai ilmu khususnya agama Islam dan bahasa ilmu seperti Arab dan Inggeris.

Za'ba juga menganggap dirinya bukan seorang pemerhati kehidupan Melayu daripada menara gading, bahkan lebih dari pada itu beliau merasai dan mengalami sendiri segala perit dan derita kemiskinan.

Bagaimanapun Za'ba optimis, sikap orang Melayu dapat diperbaiki walau seburuk mana pun keadaannya. Bagi Za'ba, sejatinya Melayu itu sama dengan bangsa lain yang tidak kurang apa pun dan tidak percaya dengan dongeng superioriti bangsa. Sekarang terserah kepada Melayu itu sendiri.

**DR IBRAHIM MUNIR**  
SEJALUAKA AGUNG  
JERMAN MUSLIMIN  
ANTARABANGSA

**DR RACHID GHANNOUCHI**  
ES-NOURAH  
MOULANA  
TUNISIA

**USTAZ MUHAMMAD ANIS MATTIA**  
MANTAN  
PRESIDEN PKS  
INDONESIA

**DR MOHD PARID SHEIKH AFIFAD**  
PRESIDEN  
PERKASA DAN  
IKRAM MALAYSIA

**DR MUJAHID YUSOF RAWA**  
NAIB PRESIDEN PARTI  
AMANAH NEGARA

**TUAN HJ SYED IBRAHIM SYED NOOI**  
KEJUZA PENERANGAN  
PARTI Keadilan Rakyat

**USTAZ HASNUDDIN MOHD YUNUS**  
NAIB PRESIDEN PARTI  
AMANAH NEGARA

**DR MASZLEE MALIK**  
PENSYARAH UTAMA  
AHLI DPN IKRAM

## KONVENTSYEN MAQASID SYARIAH

"MEMBANGUN MALAYSIA RAHMAH BERASASKAN MAQASID SYARIAH"

AHAD | 25 OKTOBER 2015

IDCC SHAH ALAM

8 PAGI - 6 PETANG

**DAFTAR SEGERA**  
PEMBELIAN TIKET ONLINE  
[islamicevents.my](http://islamicevents.my)

HOTLINE: 03 8945 6999

**YURAN**  
**RM75**  
SAHAJA

AYUH DAFTAR SEGERA!

**ANJURAN**  
**Ikram**  
PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA (IKRAM)

## Pembaharuan lesen tred

# Kaunter bergerak mulai 3 Nov

OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Petaling jaya (MBPJ) menyediakan kemudahan kaunter bergerak pembaharuan lesen tred dan penjaja di beberapa lokasi di Petaling Jaya, mulai 3 November hingga 23 Disember ini.

Sekretariat Media, Unit Komunikasi Korporatnya, berkata usaha itu diambil bagi mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabatnya.

"Kemudahan ini untuk menggalakkan orang awam hadir ke lokasi pilihan berhampiran dengan tempat tinggal mereka.



"Sebagai makluman, lesen tahun depan boleh diperbaharui mulai 15 Oktober ini. MBPJ akan membuka kaunter bergerak bagi

urusan pembaharuan dan permohonan baharu di lokasi pilihan di bandar raya ini," katanya.

Antara lokasi terbabit adalah

Amcorp Mall (3,4 dan 5 November), Sunway Giza (10 dan 11 November), One Utama (17,18 dan 19 November), Paradigm Mall (23 dan 24 November), Giant Kelana Jaya (25 dan 26 November), Citta Mall (2 dan 3 Disember), Jaya Shopping Centre, Seksyen 14 (16 dan 17 Disember), Tropicana City Mall (22 dan 23 Disember) dan Kaunter Ibu Pejabat MBPJ (setiap Sabtu dan Ahad pada Disember).

MBPJ juga mengadakan kaunter bergerak bagi urusan sama di hampir semua pasar awam dan malam di kawasan pentadbirannya mulai 1 November hingga

22 Disember ini.

Katanya, semua pemegang lesen dan peniaga boleh membuat pilihan memperbaharui lesen pada hari kaunter bergerak dibuat atau hadir ke kaunter Ibu Pejabat MBPJ pada waktu bekerja dari jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang (15 Oktober hingga 31 Disember).

"Pembaharuan lesen penjaja pula boleh dibuat di kaunter Jabatan Perlesenan di tingkat 6, Menara MBPJ. Sepanjang Disember, waktu operasi kaunter pembaharuan dilanjutkan pada Sabtu dan Ahad mulai 9 pagi hingga 4 petang," katanya.

## Sistem baru permudah urusan mohon lesen

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan melaksanakan Sistem Pemberitahuan Status Permohonan Lesen bagi memudahkan peniaga menyemak status permohonan mereka, bermula tahun hadapan.

Sekretariat Media MBPJ, berkata sistem terbabit dibangunkan selaras dengan usaha mereka menambahbaik prestasi penyampaian perkhidmatan lebih telus dan cekap.

"Untuk proses pembaharuan lesen tahun hadapan, beberapa inisiatif baharu diambil MBPJ, bahkan kita turut memperkenalkan Sistem Semakan Sendiri (SCS) melalui telefon bimbit tahun ini.

"Semakan boleh dibuat melalui capaian di [http://eperkhidmatan.mbpj.gov.my/elesen\\_sama](http://eperkhidmatan.mbpj.gov.my/elesen_sama) ada menggunakan komputer atau telefon pintar yang mempunyai pelayar internet dan capaian ke internet

**Semakan boleh dibuat melalui capaian di [http://eperkhidmatan.mbpj.gov.my/elesen\\_sama](http://eperkhidmatan.mbpj.gov.my/elesen_sama) ada menggunakan komputer atau telefon pintar yang mempunyai pelayar internet dan capaian ke internet**

penjaja dan pusat siber bertujuan memastikan hanya pekerja berdaftar sahaja dibenarkan menjaga premis perniagaan.

"MBPJ turut memperkenalkan pengeluaran lesen secara serta-merta di kaunter dalam bentuk sementara, kekal dan kad akuan. Pengeluaran lesen serta-merta ini membolehkan pelanggan terus menjalankan perniagaan dan urusan lain," katanya.

Katanya, MBPJ juga memperkenalkan kad pembantu bagi

## 9,000 guna PJ City Bus setiap hari

**SHAH ALAM** - Usaha berterusan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menambah baik pengangkutan awam dalam Belanjawan 2016 disambut baik.

Ahli Majlis MBPJ, Ir Lee Suet Sen, berkata MBPJ mengambil langkah besar ke arah meningkatkan pengangkutan awam apabila memperkenalkan perkhidmatan bas percuma pada 2014.

Katanya, perkhidmatan dikenali sebagai PJ City Bus itu mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat Petaling Jaya dengan anggaran 9,000 penumpang sehari.

"Saya mengucapkan tahniah kepada MBPJ kerana mengiktiraf kepentingan pengangkutan dalam bandar dengan memperuntukkan RM9.275 juta dalam Belanjawan 2016.

"Dengan kemajuan ini, ia memberi keyakinan danjamin kepada masyarakat bahawa lebih banyak laluan dapat ditingkatkan tahun depan,"



katanya, di sini, baru-baru ini.

Katanya, enam laluan bas transit bakal dimuktamadkan kerana MBPJ tidak mampu mengekalkan pertumbuhan rangkaian bas percuma pada masa akan datang.

Cadangan itu merangkumi Damansara Damai ke Sg Way, Kota Damansara ke

Ara Damansara, Damansara Damai ke Sg Way, Bandar Utama ke Kelana Jaya, Bandar Utama ke PJS 3/2 dan SS2 ke Jalan Othman.

"Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak mempunyai halangan untuk MBPJ menjalankan tender bagi laluan bas transit itu. Kita hanya menunggu persetujuan rasmi mereka," katanya.

## Tak boleh hidup lesen jika gagal kemuka kebenaran merancang

**SHAH ALAM** - Pemegang lesen perniagaan perlu mengemukakan pembaharuan kebenaran merancang dan tukar guna bangunan ke Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) tiga bulan sebelum tarikh tamat.

Sekretariat Media, Unit Komunikasi Korporatnya, berkata kegalan berbuat demikian akan

mengakibatkan mereka tidak dapat memperbaharui lesen perniagaan tahun hadapan.

"Pemegang lesen mempunyai kelulusan kebenaran merancang dan tukar guna bangunan perlu mengambil tindakan itu.

"Mengikut rekod, terdapat 508 premis perlu memperbaharuiinya untuk tahun hadapan daripada pelbagai jenis aktiviti seperti ins-

titusi pendidikan, taska dan tadi-ka, rumah jagaan, hotel bajet serta pusta asuhan kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata, premis yang menjalankan aktiviti servis dan aksesori kereta atau sebarang aktiviti yang tidak membolehkan letak kereta di hadapan premis dikehendaki memohon juga memperbaharui sewa 'petak musim tetap' di hadapan premis mereka," katanya.

musim untuk tempoh setahun.

"Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan proses pembaharuan lesen tahun hadapan tergendala. Terdapat 196 premis yang perlu memperbaharui sewa 'petak musim tetap' di hadapan premis mereka," katanya.

MBPJ juga menasihatkan semua pemegang lesen perniagaan memperbaharuiinya sebelum 31

Disember ini.

Katanya, kegalan akan mengakibatkan caj lewat dikenakan ke atas setiap akaun lesen yang diperbaharui.

"Kadar caj ialah RM50 bagi pembaharuan bermula 2 Januari hingga 31 Mac 2016 dan RM300 bagi pembaharuan yang dibuat bermula 1 April hingga 31 Julai 2016," katanya.



# Naik taraf tiga jalan siap sepenuhnya

OLEH NORHAYATI UMOR

**SUBANG JAYA** - Kemudahan infrastruktur di Jalan Subang Permai, Jalan Subang 2 dan Subang 3 kini boleh digunakan orang ramai selepas kerja menaiktaraf siap sepenuhnya.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata kos bagi kerja menaiktaraf itu berjumlah RM1.8 juta yang dilaksanakan Regina Development Sdn Bhd.

Antara kemudahan dinaiktaraf adalah pembinaan jambatan menghubungi Jalan Subang 2 dengan Jalan Subang Permai, tambahan 13 lampu jalan di Jalan Subang 3 dan naik taraf lampu jalan di Jalan Sungai Permai.

Selain itu, menurap kembali jalan dari bulatan Jalan Subang 3 ke Persiaran Subang serta Jalan Subang Permai, pembinaan 'handrail' dan persiaran kaki di Jalan Subang

Permai serta membaiki kerb di sepanjang Jalan Subang Permai dan Jalan Subang 3.

"Pembinaan jambatan ini dapat menjimatkan masa dan mengurangkan kesesakan terutama di waktu puncak. Pengguna boleh menggunakan jambatan yang menghubungkan jalan untuk terus keluar ke jalan raya berhampiran Pasaraya Mydin Mall dan Giant.

"Apabila adanya pembinaan perumahan, pemaju perlu menyediakan kemudahan infrastruktur lain seperti terkandung dalam kebenaran merancang," katanya selepas merasmikan jambatan itu, di sini, pada 9 Oktober lalu.

Hannah berkata, pembinaan dan naik taraf itu juga penting kerana terdapat Laman Sukan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) berhampiran lokasi terbabit.

"Sebuah kondominium dibina di kawasan ini. Saya berterima kasih kepada

- Pembinaan jambatan menghubungi Jalan Subang 2 dengan Jalan Subang Permai
- Tambahan 13 lampu jalan di Jalan Subang 3
- Naik taraf lampu jalan di Jalan Sungai Permai
- Turap kembali jalan dari bulatan Jalan Subang 3 ke Persiaran Subang serta Jalan Subang Permai
- Pembinaan 'handrail' dan persiaran kaki di Jalan Subang Permai
- Baiki kerb di sepanjang Jalan Subang Permai dan Jalan Subang 3

pemaju kerana memenuhi syarat ditetapkan MPSJ bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan memberi kemudahan selepas penduduk," katanya.

## MBSA sedia khidmat sewa tong RORO

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyediakan perkhidmatan sewa tong Roll-On Roll-Off (RORO) untuk tujuan pengumpulan semua sisa bahan binaan atau bangunan.

Timbalan Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad, berkata terdapat dua jenis tong RORO yang disediakan iaitu tong RORO tiga tan yang bersaiz 9' panjang x 6' lebar x 2 1/2' tinggi dan tong RORO tujuh tan



bersaiz 18' panjang x 8' lebar x 2 1/2' tinggi dengan keduanya ditutup dengan kanvas.

"Kadar bayaran mengikut saiz dan kapasiti yang ditetapkan iaitu tujuh tan RM420 dan tiga tan RM270.

"Inisiatif itu diambil bagi memastikan sisa binaan tidak mengganggu laluan awam dan memastikan pengurusan sisa binaan sistematis serata mengelakkan pembuangan sampah sisa binaan secara tidak teratur akan dapat diatasi, sekali gus membantu menangani masalah sampah haram," katanya.

haram," katanya dalam kenyataan media.

Shahrin berkata, permohonan sewaan tong RORO boleh dibuat melalui Bahagian Pembersihan Awam (BPA), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Wisma MBSA atau hubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di talian 03-5510 5133.

"MBSA berharap masalah pembuangan sampah sisa binaan secara tidak teratur akan dapat diatasi, sekali gus membantu menangani masalah sampah haram," katanya.

## Lapan premis disita

**SHAH ALAM** - Operasi penguasaan dan penyitaan terhadap barang perniagaan ditinggalkan di atas tanah kerajaan dipergiatkan Majlis Perbandaran Klang (MPK) di kawasan pentadbirannya.

Ketua Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz, berkata antara lokasi menerima aduan ialah sekitar Bukit Tinggi dan beberapa kawasan dikenalpasti untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, MPK tidak berkompromi dalam isu membabitkan barang peninggalan seperti itu keran menyalahi undang-undang ditetapkan selain menghalang laju awam di situ.

"Sebanyak 13 premis diperiksa dan lapan daripadanya disita membabitkan tong gas (28), meja (3), dapur (6) dan tindakan diam-bil di bawah Seksyen 46 (1) (d), Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan halangan di atas tempat awam.

"Operasi itu membabitkan Jabatan Perlesenan, Penguasaan, Perkhidmatan Persekutuan dan Jabatan Bangunan," katanya dalam kenyataan media.

Norfiza berkata, pepulau dan siarkaki premis perniagaan adalah kegunaan pejalan kaki di hadapannya, namun kebanyakannya pepulau ini digunakan pemilik menjalankan aktiviti perniagaan.

Katanya, struktur kekalnya dibina tidak mempunyai permit atau kelulusan MPK kerana ia didirikan di atas tanah rezab kerajaan serta menerima banyak aduan masyarakat.

## Baharui lesen sehingga 31 Dis

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) membuka kaunter pembaharuan lesen perniagaan bagi tahun 2016 bermula minggu lalu hingga 31 Disember ini.

Ketua Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz, berkata mereka membuka kaunter di beberapa lokasi terpilih bagi memudahkan orang ramai berurus dengan mereka.

"Antara lokasi berkenaan adalah di GM Klang, Shaw Centrepoint, Centro, Kompleks Giant Hyper Market, Bukit Raja, Aeon Bukit Tinggi, Tesco Bukit Tinggi, Harbour Place dan Klang Parade.

"Selepas daripada tarikh yang ditetapkan, tindakan penguasaan akan dikenakan ke atas premis yang tidak membayar lesen dan dibatalkan, manakala pemilik perlu mengemukakan permohonan baru," katanya dalam kenyataan, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, pemilik lesen dinasihatkan untuk meneliti notis pembaharuan lesen yang diterima peniaga.

"Ia adalah notis pembaharuan bagi Lesen Perniagaan 2016 yang perlu dibayar sebelum akhir tahun ini," katanya.

Katanya, pihak berkenaan boleh menyemak jadual di laman sesawang MPK atau facebook Saluran Komunikasi MPKlang untuk mengetahui waktu dan hari bagi pembayaran.

# Jelajah tingkat kefahaman mahasiswa Selangor

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri berhasrat memperbanyakkan program ramah mesra bersama mahasiswa Selangor yang belajar di luar negeri itu, kata Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari.

Beliau berkata, program itu

membolehkan agenda Kerajaan Negeri disampaikan kepada golongan muda di perantauan selain memastikan mereka tidak ketinggalan dalam program yang dianjurkan.

"Saya berhasrat meneruskan jelajah seumpama ini bagi menemui mahasiswa Selangor di perantauan dan menyampaikan perkembangan negeri supaya mereka tahu penambah-

baikan dibuat khusus untuk generasi muda.

"Antaranya termasuk dalam bidang keusahawanan dan kebudayaan iaitu portfolio di bawah kelolaan juga pengurusan saya," katanya.

Beliau hadir ke program Hi-Tea Mahasiswa Selangor di Kelantan bersama 100 anak muda yang dianjurkan dengan kerjasama Sekretariat Anak

Muda Kelantan serta Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Kelantan, baru-baru ini.

Amirudin berkata, beberapa penerangan turut disampaikan berkenaan 10 Dasar Belia Selangor termasuk program insentif anak muda seperti program hadiah masuk universiti, insentif perkahwinan belia serta biasiswa Kerajaan Negeri.



**YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali**  
Dato' Menteri Besar Selangor

**YB Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad**  
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan,  
Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan  
Inovasi Negeri Selangor

## YES: Youth Enhancement Strategy Selangor

(Program Peningkatan Kemahiran Belia Strategik Selangor)

### 1 Program

Kursus Teknologi Pembuatan Plastik

### 2 Syarat Kelayakan

- Warganegara Malaysia tidak melebihi umur 24 tahun
- Lepasan SPM (minimum lulus 3 mata pelajaran)

### 3 Persijilan

- Certificate II in Engineering dari Box Hill TAFE, Australia

### 4 Tempoh Latihan

Program selama 6 bulan ini merangkumi:

- 3 Bulan latihan formal (Kelas & Makmal)
- 3 Bulan latihan sambil kerja (OJT)



**Kursus Untuk Lepasan SPM!**

### Nilai Tambah

- Yuran pengajian dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Selangor
- Peluang pekerjaan di Industri yang terpilih
- Elaun sara hidup RM300/bulan (dibiayai Kerajaan Selangor)
- Elaun tambahan semasa OJT ditaja oleh syarikat.

Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor

Dengan Kerjasama: **selangorku**  
Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi En Misnin / Pn Farah

Selangor Human Resource Development Centre  
No.1, Ground Floor, Block 2, Pusat Perniagaan Worldwide (Worldwide Business Park)  
Jalan Tinju 13/50, Section 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
tel. +603 5513 3560 fax. +603 5513 3490 email. info@shrdc.org.my www.shrdc.org.my

## 20 pelajar OKU terima RM174,000

**SHAH ALAM** - Seramai 20 pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) menerima sumbangan pembinaan pelajaran RM174,000 daripada Kerajaan Negeri untuk menyambung pengajian ke institut pengajian swasta.

Exco Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata kursus ditawarkan dalam bidang kulineri itu adalah di peringkat sijil yang berjalan selama enam bulan, bermula Oktober ini hingga Mac 2016.

"Setiap pelajar menerima bantuan RM8,700 sebagai peluang untuk golongan OKU menyambung pelajaran ke peringkat lebih

tinggi. Ia sebagai usaha mendidik mereka berdikari supaya diberi peluang pekerjaan dan mencari pendapatan sendiri selepas tamat pengajian," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 10 Oktober lalu.

Katanya, sebelum ini mereka hanya ditempatkan di Pusat Pemulihian Dalam Komuniti (PDK).

"Dengan peluang diberi Kerajaan Negeri, masa depan golongan ini lebih terjamin dengan mempertingkatkan kualiti hidup kerana usia mereka juga semakin meningkat. Kita juga mengharapkan mereka dapat menjalani kehidupan sama seperti masyarakat lain," katanya.

## Dua SRJK (C) terima geran RM60,000

**SUBANG JAYA** - Dua buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina SRJK (C) di USJ, dekat sini, menerima sumbangan geran RM60,000 daripada Kerajaan Negeri untuk tujuan prasarana.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata RM50,000 diberikan Kerajaan Negeri kepada SRJK (C) Chee Wen, di USJ 1, manakala RM10,000 kepada SRJK (C) Tun Tan Cheng Lock, USJ 15 daripada peruntukan DUN Subang Jaya.

"Walaupun SRJK (C) Tun Tan Cheng Lock sebahagian daripada pelan tindakan Sekolah Wawasan, namun mereka menerima bantuan yang sangat sedikit

daripada Kementerian Pendidikan.

"Sekolah itu juga terpaksa berkongsi kantin dan dewan yang sama dengan dua buah sekolah lain tetapi menjalankan pentadbiran secara berasingan," katanya.

Hannah berkata, Kerajaan Negeri sentiasa memperuntukkan bantuan kewangan kepada semua sekolah di negeri itu walaupun di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

"Kerajaan Persekutuan perlu memastikan Kementerian Pendidikan mempunyai dana tahunan mencukupi untuk penyelenggaraan sekolah," katanya.

Penyerahan SMUE Dun Batu Tiga

# Penerima mengalirkan air mata dapat kerusi roda

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Penerima bantuan kerusi roda, Tehpura Busu, terharu hingga mengalirkan air mata apabila menerima kemudahan itu daripada Pejabat Adun Batu Tiga, pada 5 Oktober lalu.

Tehpura, 59, berkata, bantuan itu membuktikan keprihatinan Adun Pakatan Rakyat (Pakatan) dan Kerajaan Negeri dalam membantu meringankan beban golongan yang memerlukan.

"Sangat bersyukur sebab yang menerima bantuan ini bukan orang senang. Makcik balu dan menghidap banyak penyakit, rasanya dah tak mampu nak ubat diri-sendirian dengan duit yang ada pun tak cukup."

"Ya Allah, dapat bantuan macam ini bersyukur sangat, meringankan sedikit beban. Terima kasih kepada mereka yang jalankan tugas ini," katanya..

Tehpura berkata demikian pada Majlis Penyerahan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) fasa pertama dan sumbangan golongan memerlukan yang diadakan di perkarangan Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat Batu Tiga, Seksyen 23, di sini.



**Ya Allah, dapat bantuan macam ini bersyukur sangat, meringankan sedikit beban. Terima kasih kepada mereka yang jalankan tugas ini**

**TEHPURA BUSU**

Penerima bantuan kerusi roda



Sementara itu, penerima bantuan pendidikan untuk anak, Khairuddin Othman, 52, pula berkata Kerajaan Negeri hari ini lebih mementingkan kebajikan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah.

"Sebelum 2008, tak dapat sebarang bantuan tetapi sekarang bila banjir pun diberi sum-



**Umur dah lanjut dan tak boleh bekerja... Dengan bantuan ini dapat beli barang keperluan**

**M KALLIYANE**  
Penerima khairat kematian SMUE

bangsa. Hari ini, saya terima bantuan sebab anak masuk Universiti Teknologi Malaysia di Skudai. Terima kasih Kerajaan Negeri kerana menghargai rakyat," katanya.

Bagi penerima khairat kematian SMUE, M Kalliyane, 61, menyifatkan wang yang diterimanya meringankan beban yang ter-



paksa dipulul selepas kematian suami, pada Ogos lalu.

"Umur dah lanjut dan tak boleh bekerja. Selepas suami meninggal dunia, saya terpaksa berpindah ke rumah adik sebab tak ada siapa jaga di rumah lama. Dengan bantuan ini dapat beli barang keperluan."

## Pupuk usaha sepadu banteras denggi

**SUBANG** - Usaha bersepadu perlu dilaksanakan semua pihak supaya penularan wabak denggi dapat diatasi memandangkan kes terus meningkat setiap tahun.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata Zon 1 mempunyai kes denggi tertinggi iaitu di kawasan Pangaspuri Angsana diikuti SS12 hingga SS19.

"Masyarakat perlu berganding

bahu dengan sikap bertanggungjawab dan bukan hanya mengharapkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kita dalam usaha mengadakan perbincangan lanjut dengan badan bukan kerajaan, Malaysian Association of Environmental Health berkenaan cara lebih berkesan untuk menghapus pembiakan aedes di kawasan hotspot DUN Sub-

ang Jaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika program Gotong Royong Perdana Hapus dan Banteras Tempat Pembiakan Nyamuk Aedes kawasan SS15, di sini, pada 3 Oktober lalu.

Katanya, sikap bersepadu Squad Denggi rukun tertangga SS15 mengadakan gotong-royong setiap tahun berjaya membuatkan hasil apabila tiada kes dengan

dilaporkan di kawasan itu.

"Diharap, unit kesihatan di semua PBT diberi bajet mencukupi menjalankan program pembersihan dalam Belanjawan 2016 yang diadakan, pada 30 Oktober ini."

"Ia menunjukkan peningkatan seiring pertambahan kawasan sejak penyakit demam denggi, kencing tikus dan anjing gila dikesan," katanya.

**Segera bina Hospital Kapar**



**Dr Daroyah Alwi**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri berharap cadangan pembinaan Hospital Kapar diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam pembentangan Bajet 2016.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Keluarga dan Wanita, Dr Daroyah Alwi, berkata Kerajaan Persekutuan perlu melaksanakan kerja pembinaan hospital itu menjadi keperluan mendesak.

"Sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) lalu, pembinaan Hospital Kapar antara akuanji Barisan Nasional di Selangor. Mereka tak boleh mengabaikan keperluan ini kerana Hospital Tengku Ampuan Rahimah sudah terlalu sesak."

"Masyarakat di Sabak Bernam, Tanjung Karang, Shah Alam, Klang, Kapar dan Pelabuhan Klang tertumpu kepada hospital itu," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 4 Oktober lalu.

Dr Daroyah melahirkan kekecwaan terhadap keputusan Kerajaan Persekutuan yang tidak memasukkan cadangan pembinaan Hospital Kapar dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

"Dalam RMK-10, ada dimasukkan tapi tidak dilaksanakan, namun ia tiada langsung dalam RMK-11. Sampai bila kesihatan rakyat dipolitikkan, bahkan sudah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melaksanakan," katanya.

Kerajaan Negeri sebelum ini sudah menyediakan tanah seluas 50 ekar untuk projek berkenaan, bahkan perbincangan terperinci sudah diadakan bersama pegawai kementerian dan Jabatan Perdana Menteri (JPM), namun sehingga kini ia masih tiada kerjasama dari Kerajaan Persekutuan.

# ABIM komited tangani isu pelarian

**GOMBAK** - Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) komited membantu pelarian di seluruh dunia yang berdepan krisis kemanusiaan di negara mereka.

Presidennya, Mohamad Raimi Ab Rahim, berkata sikap terbuka yang diamalkan organisasi itu adalah selaras dengan visi kemanusiaan sejagat yang perlu diberi perhatian.

Katanya, walaupun tindakan menerima pelarian membawa kesan, namun ia bukan alasan untuk tidak membantu golongan yang memerlukan.

"Walaupun dasar luar Malaysia tidak menerima atau melindungi pelarian, namun kita sentiasa mengamalkan dasar kemanusiaan tinggi untuk membantu mereka."

"Hanya mereka yang pro kepada peperangan dan kezaliman sanggup membiarkan pelarian bebas serta tidak mendapat tempat di negara masing-masing," katanya kepada Selangor Kini, pada 5 Oktober lalu.

Raimi berkata, usaha memberi perlindungan kepada warga Syria terus dipergiat dengan sokongan moral daripada rakyat Malaysia, bahkan kemahiran negara menguruskan pelarian tidak boleh dinafikan.

"Kita perlu pandang sudut kemanusiaan dengan positif dan ini sumbangan yang boleh diberikan. Fokus ABIM adalah membantu pelarian seperti Palestin, Bosnia, Vietnam, Xinjiang, Syria dan negara yang mengalami krisis kemanusiaan berdasarkan sokongan moral rakyat Malaysia," katanya.

Malaysia akan membuka pintu kepada 3,000 pelarian Syria dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi membantu meringankan krisis pelarian.

Sejak empat tahun lalu, kira-kira empat juta pelarian Syria melarikan diri ke negara jiran dan bergelumang dalam kancan kemiskinan.

## Tingkat taraf hidup

# LZS bantu asnaf cari kerja

OLEH AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Asnaf fakir dan miskin yang berdaftar di bawah Lembaga Zakat Selangor (LZS) dibantu memasuki pasaran kerja untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Pengurus Besar Komunikasi Korporat LZS, Norajun Ainun Mohd Hashim, berkata program itu menawarkan bidang teknikal, operator dan pentadbiran yang diwujudkan, sejak Februari lalu.

Katanya, 24 asnaf berjaya mendapat pekerjaan melalui program yang dikendalkan Mais Zakat Sdn Bhd (MZSB) itu sehingga kini.

"LZS mahu golongan asnaf fa-

kir dan miskin ini memiliki peluang pekerjaan yang sesuai untuk menambah pendapatan mereka serta membaiki kualiti hidup.

"Kriterianya mudah iaitu perlu sihat tubuh badan dan mempunyai latar belakang pendidikan sekurang-kurangnya di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR)," katanya kepada Selangor Kini, di sini, baru-baru ini.

Norajun berkata, golongan asnaf yang berminat boleh mendaftar di Unit Kerjaya MZSB Klang Sentral dengan menghubungi talian 03-3341 3654 sambungan 122.

Katanya, mereka juga boleh menyerahkan resume secara 'hardcopy' atau 'softcopy' pada e-mel murnirah@maiszakat.com.

**“ Kriterianya mudah iaitu perlu sihat tubuh badan dan mempunyai latar belakang pendidikan sekurang-kurangnya di peringkat PMR ”**



**NORAJUNAINUN**

Pengurus Besar Komunikasi Korporat LZS

my, rifdi@maiszakat.com.my atau sayifullah@maiszakat.com.my.

Asnaf akan didedahkan dengan kursus pra-kerjaya, pemban-

gunan dan persediaan diri serta menyertai program Karnival Kerjaya sebelum diserap masuk ke alam pekerjaan.

## Masjid 84 tahun berwajah baru

**“**

**Pembinaan masjid penting dalam usaha menjamin kesejahteraan rakyat terutama dalam aspek kerohanian**

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar

**GOMBAK** - Masjid Zakaria Batu 8 1/2, di sini, yang berusi 84 tahun dan semakin usang bakal diberi wajah baru dengan kos peruntukan keseluruhan RM11 juta.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata peruntukan RM6 juta mula diluluskan untuk pembinaan berhampiran tapak lama pada 2010, namun proses pengambilan tanah yang memakan masa menyebabkan kos

meningkat RM5 juta.

"Namun, peruntukan tambahan diluluskan sepenuhnya termasuk kos cukai barang dan perkhidmatan (GST) atas kepri-

hatinan sebagai kerajaan bertanggungjawab dan mementingkan pembangunan berkualiti,

"Pembi-

naan masjid penting dalam usaha menjamin kesejahteraan rakyat terutama dalam aspek kerohanian," katanya pada majlis pecah tanah masjid itu, di sini, pada 9 Oktober lalu.

Masjid baru itu didirikan di atas bukit dengan keluasan tiga ekar dan dilengkapi kemudahan seperti tempat letak kereta serta ruang solat berhawa dingin dan mampu memuatkan sehingga 2,000 jemaah yang dijangka siap sepenuhnya, pada Julai 2017.





# SMK Tinggi Kajang juara Piala Dato' Mokhtar Dahari

OLEH: AFIX REDZUAN

**KELANA JAYA** - Jaringan tunggal Aiman Ariff Suffian sudah cukup untuk menobatkan SMK Tinggi Kajang sebagai juara Piala Dato' Mokhtar Dahari 2015 selepas menewaskan SMK Meru dengan jaringan 1-0.

Walaupun tidak menguasai perlawanan, pemain SMK Tinggi Kajang berjaya memanfaatkan peluang untuk menjaringkan gol selepas Aiman Ariff berjaya melepas perangkap offside menewaskan penjaga gol SMK Meru untuk jaringan tunggal perlawanan.

Lebih manis kejayaan SMK Tinggi Kajang diiringi dengan rekod cemerlang tanpa bolos sejak pusingan pertama ke-

johanan.

Namun, perlawanan akhir yang berlangsung di Padang Kompleks Sukan PKNS SS7 dicemari dengan satu insiden kad merah kepada pemain SMK Tinggi Kajang, Muhammad Arash Mazlan selepas mengasari pemain lawan.

Perlawanan itu turut disaksikan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang turut menyampaikan hadiah kemenangan kepada pasukan bertanding sambil diiringi Orang Besar Daerah Petaling, Datuk Emran Kadir dan Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari.

Selain itu, penjaga gol SMK Tinggi Kajang, Sya'ari Abd Hamid dipilih selaku pen-

jaga gol terbaik, manakala Hazim Mirza Mohd Yusri dipilih selaku penjaring terbanyak kejohanan dengan sembilan gol.

Sementara itu, SMK Sultan Sulaiman menduduki tempat ketiga kejohanan selepas menewaskan SMK La Salle 2-1 dalam perlawanan penentuan tempat ketiga dan keempat.

Sebanyak 32 pasukan dipilih bertanding dari seluruh daerah Selangor selepas melepassi peringkat saringan dalam kejohanan yang berlangsung selama sebulan.

Kumpulan Perangsang Sdn Bhd se-laku pengangur utama memberi tajaan RM150,000 dan ditampung selebihnya pihak berkuasa tempatan Selangor sebanyak RM53,000.

## Isteri gembira Mokhtar Dahari terus dikenang

**KELANA JAYA** - Isteri Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari, Datin Tengku Zarina Tengku Ibrahim gembira dengan penggunaan nama lagenda sukan Selangor itu untuk penganjuran kejohanan bola sepak dalam usaha mencungkil bakat muda.

Katanya, pertandingan di peringkat sekolah melalui kejohanan Piala Dato' Mokhtar Dahari adalah landasan sesuai untuk terus mengejarkan lagenda negara itu.

"Sebenarnya, saya gembira dengan penggunaan nama Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari. Pembangunan bola sepak peringkat akar umbi sangat penting bagi Selangor dan negara," katanya selepas menyaksikan perlawanan akhir kejohanan itu, di sini, pada 11 Oktober lalu.



Piala Dato' Mokhtar Dahari 2015 adalah penganguran tahun kedua hasil cetusan ilham DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Allahyarham adalah lagenda bola sepak kebanggaan negara walaupun meninggal dunia hampir 24 tahun.

Beliau bermain di posisi penyerang dengan jersi bernombor 10 dan pernah membantu The Red Giants memenangi Piala Malaysia sebanyak 10 kali.

Mokhtar juga pernah bermain bersama lagenda Argentina, Diego Maradona dalam satu perlawanan menentang kelab Boca Juniors selain menghasilkan jaringan penyamaan terbaik ketika bertemu pasukan England B, pada tahun 1978.

## Stadium Hoki MBPJ siap 60 peratus

**SHAH ALAM** - Naik taraf Stadium Hoki Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sudah berada di tahap 60 peratus menjelang tarikh akhir kerja baik pulih yang dijangka siap hujung tahun ini.

Perkembangan terkini itu menyaksikan kerja menaik taraf dilakukan lebih pantas iaitu 10 peratus daripada kemajuan mengikut jadual.

Pengarah Jabatan Kejuruteaan MBPJ, Ismail Shafie nyata gembira dengan perkembangan berkenaan dan berharap ia dapat dibuka dan digunakan lebih awal.

"Antara kerja yang sudah dilakukan adalah membongkar dan membuang bata, membersih-

kan rumput 'turf', mengalah pagar 'chain link', mengecat pagar dan memasang pam serta motor untuk sistem saliran padang.

"Semua kerja ini dilakukan kontraktor yang dilantik iaitu Usaha Prakarsa (M) Sdn Bhd, sejak 16 Jun lalu," katanya, di sini, baru-baru ini.

Dianggarkan kos baik pulih bernilai RM2.9 juta yang dikongsi antara Kerajaan Negeri dan MBPJ dengan rumput 'turf' baru dibeli khas dari Belanda yang dijangka tiba November ini.

Stadium itu dibina pada tahun 1994, namun ia tidak lagi digunakan sejak enam tahun lalu disebabkan kerosakan permukaan padang 'turf'.

WAKTU SOLAT SELANGOR 16 - 23 OKTOBER 2015 3 - 10 MUHARAM 1437H							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
16 Jumaat	5:32	5:42	6:59	1:02	4:18	7:02	8:11
17 Sabtu	5:32	5:42	6:58	1:02	4:18	7:01	8:11
18 Ahad	5:32	5:42	6:58	1:01	4:18	7:01	8:11
19 Isnin	5:31	5:41	6:58	1:01	4:18	7:01	8:11
20 Selasa	5:31	5:41	6:58	1:01	4:18	7:01	8:10
21 Rabu	5:31	5:41	6:58	1:01	4:18	7:00	8:10
22 Khamis	5:31	5:41	6:58	1:01	4:18	7:00	8:10
23 Jumaat	5:31	5:41	6:58	1:00	4:19	7:00	8:10
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
16 Jumaat	5:34	5:44	7:01	1:04	4:20	7:04	8:13
17 Sabtu	5:34	5:44	7:00	1:04	4:20	7:03	8:13
18 Ahad	5:33	5:43	7:00	1:03	4:20	7:03	8:13
19 Isnin	5:33	5:43	7:00	1:03	4:20	7:03	8:13
20 Selasa	5:33	5:43	7:00	1:03	4:20	7:03	8:12
21 Rabu	5:33	5:43	7:00	1:03	4:20	7:02	8:12
22 Khamis	5:33	5:43	7:00	1:03	4:20	7:02	8:12
23 Jumaat	5:33	5:43	7:00	1:02	4:21	7:02	8:12



## JOB VACANCY

### COMPUTER PROGRAMMER

#### REQUIREMENTS

Degree/diploma in computer science or related field.

Knowledge in JAVA, IIS, Database Development, Database Configuration, Windows Server Setup and Configuration, Linux, Networking Configuration

Familiar in .NET, ASP.NET, PHP, MSSQL, MySQL

Based in Shah Alam

Please email your resume to:

hrhijrahselangor@gmail.com

CLOSING DATE  
30 OCTOBER 2015



Kira-kira 2,000 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Rantau Panjang melakukan sorakan padu 'Kami Boleh!' sempena Sambutan Hari Sukan Negara dan acara itu berlangsung serentak di seluruh negara.

Gambar oleh Asrie Sapie

# Akademik bola cipta pemain berkualiti

OLEH AFIX REDZUAN

**KELANA JAYA** - Sebuah akademi bola sepak Selangor dalam proses penubuhan dan diharap bakal dilaksana menjelang tahun hadapan, kata Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amiruddin Shari.

Katanya, penubuhan akademi itu bertujuan membangunkan bakat baru bola sepak untuk beraksi bersama pasukan Selangor dan negara.

Sehingga kini, modul dan struktur pembangunan akademi sudah dikenalpasti membabitkan kerjasama semua pihak termasuk agensi sukan negeri.

"Kita sedang meneliti modul dan struktur terbaik dengan kerjasama semua anak syarikat (GLC) Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) untuk membentuk akademi sukan yang lebih tersusun."

"Ada banyak pertandingan yang saya hubungkan dengan Jabatan Pendidikan dan Persatuan Bola Sepak Negeri Selangor (FAS)," katanya di Kejohanan Bola Sepak Piala Dato' Mokhtar Dahari kali ke-2, di Kompleks Sukan PKNS SS7, di sini, pada 11 Oktober lalu.



**Penubuhan akademi itu bertujuan membangunkan bakat baru bola sepak untuk beraksi bersama pasukan Selangor dan negara**  
**AMIRUDDIN SHARI**  
Exco Sukan

Katanya, kejohanan bola sepak seperti Piala Dato' Mokhtar Dahari adalah landasan terbaik untuk memilih pemain bagi diserapkan dalam akademi bola sepak itu dan 30 individu sudah dikenalpasti untuk dibangunkan FAS bagi mewakili pasukan bola sepak negeri.

"Pertandingan ini menjadi sumber untuk kita mendapatkan pelatih dan akan membuat program pembangunan sekitar umur 16 tahun ke atas," katanya.

Program pembangunan lahir atlet prestasi tinggi

**KLANG** - Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor menjalankan beberapa program pembangunan sukan dalam melahirkan atlet berprestasi tinggi untuk mewakili negeri dan negara.

Pengarah Eksekutifnya, Mohd Zubir Idrus, berkata program terbabit dilakukan dengan kerjasama beberapa persatuan sukan, sekolah sukan negeri dan negara.

Katanya, MSN Selangor melalui Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) kini berada dalam proses persediaan menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) 2016.

"Kita mempunyai dua fasa iaitu pertama adalah mengenalkan sukan individu untuk atlet yang sudah terpilih selain melantik jurulatih khas untuk membantu bagi SUKMA 2016."

"Manakala, fasa kedua lebih kepada sukan yang boleh menghajahkan pingat sebagai contoh sepak takraw," katanya.

Beliau berkata demikian melalui ucapan yang diwakili Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan MSN Selangor, Mohd Nizam Marjugi pada majlis perasmian Hari Sukan Negara peringkat Selangor 2015 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau Panjang, di sini, pada 10 Oktober lalu.

Beliau berkata, MSN Selangor turut mempunyai program khas membawa masuk bakat baharu yang layak untuk ke Sekolah Sukan Seksyen 11, Shah Alam dan atlet di bawah program itu akan dibantu daripada segi latihan yang diuruskan persatuan sukan berkaitan.